



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

TAJUK

PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP REKABENTUK SPMP (SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT POLITEKNIK) KOTA BHARU

OLEH

CHE AZMIR SYAHRIZAN BIN CHE HAMAT NORDIN

C17A0468

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian (Multimedia)

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

☐

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai

☐

SULIT

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

(Tanda tangan pelajar)

(Tanda tangan penyelia)

Tarikh :

Nama :

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepitkan bersama surat Daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab kerahsiaan dan sekatan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah hirrabbil'alamin, saya merafakkan sepenuh kesyukuran kehadiran Ilahi dengan limpah dan kurnianya, dapat saya menyiapkan tugas tesis ini dengan jayanya walaupun terpaksa menempuhi pelbagai rintangan yang tak terduga. Alhamdulillah, syukur.

Di kesempatan ini, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Ts. Dr. Khairul Azhar Bin Mat Daud selaku penyelia di atas nasihat yang diberikan dan kepekaan terhadap pelajar untuk menyiapkan tugas ini. Beliau banyak membantu sepanjang proses untuk menyempurnakan tesis ini. Segala bantuan, teguran, nasihat dan kepekaan beliau telah banyak membantu saya dalam penghasilan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang sudi berkongsi ilmu berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.

Terima kasih kepada pihak dari Politeknik Kota Bharu terutama Unit Pembangunan Intruksional dan Multimedia (Unit for Instructional Development & Multimedia) kerana telah banyak membantu khususnya kepada penyelia Industri saya iaitu Prof.Dr Che Seman Bin Che Cob dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP). Tidak lupa juga kakitangan dan staf politeknik dalam membantu menyampaikan maklumat serta informasi dalam menghasilkan projek penyelidikan ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada kedua-dua ibu bapa yang dikasihi, Encik Che Hamat Nordin Bin Che Pa dan Puan Mazlina Binti Abdullah yang sentiasa memberi doa, dorongan, peringatan, bantuan dan panduan hidup yang amat saya perlukan sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

BIL	SENARAI HALAMAN	HALAMAN
1	PERAKUAN TESIS	I
2	PENGHARGAAN	II
3	ISI KANDUNGAN	III
4	SENARAI RAJAH	IV
5	ABSTRAK BAHASA MELAYU	VI
6	ABSTRAK BAHASA INGGERIS	V
7	Bab I PENDAHULUAN <ul style="list-style-type: none"> - 1.0 PENGENALAN - 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN <ul style="list-style-type: none"> - 1.1.1 POLITEKNIK DI MALAYSIA - 1.1.2 POLITEKNIK KOTA BHARU - 1.1.3 SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT POLITEKNIK - 1.2 PERNYATAAN MASALAH - 1.3 OBJEKTIF KAJIAN - 1.4 PERSOALAN KAJIAN - 1.5 SKOP KAJIAN - 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN <ul style="list-style-type: none"> - 1.6.1 PELAJAR - 1.6.2 PENSYARAH - 1.6.3 STAF AKADEMIK - 1.7 KERANGKA KONSEP - 1.8 METODOLOGI DAN OPERASIONAL KAJIAN i INSTRUMEN KAJIAN ii OPERASI KAJIAN <ul style="list-style-type: none"> - 1.9 BATASAN KAJIAN - 1.10 KESIMPULAN 	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 13 14
8	BAB II KAJIAN LITERATUR <ul style="list-style-type: none"> - 2.0 PENGENALAN - 2.1 KAJIAN PUSTAKA / LITERATUR - 2.2 MODEL WATER FALL <ul style="list-style-type: none"> - 2.2.1 TEORI VISUAL DIGITAL - 2.2.2 REKABENTUK E-PEMBELAJARAN (CIDOS) - 2.2.3 SISTEM PEMBELAJARAN MENERUSI WEB - 2.2.4 SIKAP DAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN WEB - 2.3 MASALAH REKA BENTUK SEDIA ADA - 2.4 PENILAIAN PENYELESAIAN SEDIA ADA - 2.5 KESIMPULAN 	15 16 17 18 19-20 21 22 22-23 23
9	BAB III METHODOLOGI KAJIAN <ul style="list-style-type: none"> - 3.0 PENGENALAN - 3.1 PENDEKATAN KAJIAN - 3.2 REKABENTUK KAJIAN - 3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA - 3.4 INSTRUMEN KAJIAN - 3.5 PERSAMPELAN KAJIAN - 3.6 ANALISIS DATA 	24 25 26-30 31-35 35 36

	<ul style="list-style-type: none"> - 3.7 KERANGKA PENYELIDIKAN - 3.7.1 MODEL ASSURE - 3.7.2 MODEL PENERIMAAN TEKNOLOGI - 3.7.3 TEORI DAN KONSEP KAJIAN - 3.8 KESIMPULAN 	<p>36</p> <p>37</p> <p>37</p> <p>38</p>
10	<p>BAB IV HASIL DAPATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - 4.1 PENGENALAN - 4.1.1 ANALISIS TEMUBUAL RESPONDEN <ul style="list-style-type: none"> 1) KAEDAH TEMUBUAL 2) DOKUMENTASI 3) DAPATAN KAJIAN <ul style="list-style-type: none"> A. MENCADANGKAN SATU PAPARAN BAHARU TERHADAP REKA BENTUK SPMP. B. MENYEDIAKAN PAPARAN BAHARU UNTUK SPMP (DARKMODE) C. ANALISIS KESELURUHAN BAGI TEMU BUAL - 4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN - 4.2.1 TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN JANTINA - 4.2.2 TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN SEMESTER - 4.2.3 TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN BANGSA - 4.3 SEJAUH MANA PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP REKA BENTUK SPMP DI POLITEKNIK KOTA BHARU. - 4.4 ANALISIS DATA KESELURUHAN SOAL SELIDIK - 4.5 PEMBANGUNAN PRODUK - 4.6 KONSEP REKABENTUK <ul style="list-style-type: none"> 4.6.1 FASA ANALISIS 4.6.2 FASA REKA BENTUK <ul style="list-style-type: none"> 1. Fasa Reka Bentuk : Informasi 2. Fasa Reka Bentuk : Interaktif 3. Fasa Reka Bentuk : Antara Muka - 4.7 PRODUK AKHIR - 4.8 PENILAIAN PRODUK AKHIR - 4.9 CADANGAN REKA BENTUK PAPARAN DARKMODE SPMP - 4.10 KESIMPULAN 	<p>39</p> <p>40</p> <p>41</p> <p>42</p> <p>43</p> <p>44</p> <p>45</p> <p>46-51</p> <p>51</p> <p>52</p> <p>53</p> <p>54-55</p> <p>56</p> <p>57</p>
11	<p>BAB V CADANGAN DAN KESIMPULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - 5.1 CADANGAN PENYELIDIKAN - 5.2 CADANGAN DAN SARANAN - 5.3 CADANGAN DI PERINGKAT UIDM - 5.4 KESIMPULAN 	<p>58</p> <p>59</p> <p>60-61</p>
12	RANCANGAN PELAKSAAN KAJIAN	

	<ul style="list-style-type: none"> - GANTT CHART 1 - GANTT CHART 2 - RUJUKAN 51 - LAMPIRAN 	62 63 64-65 66-68
13	SENARAI RAJAH <ul style="list-style-type: none"> - RAJAH 1 PETA POLITEKNIK KOTA BHARU - RAJAH 2 LOGO POLITEKNIK KOTA BHARU - RAJAH 3 PAPARAN SPMP - RAJAH 4 KERANGKA KONSEP - RAJAH 5 WATERFALL - RAJAH 6 REKA BENTUK KAJIAN - RAJAH 7 JADUAL KAEDAH INSTRUMEN KAJIAN - RAJAH 8 ALIRAN TEMU BUAL - RAJAH 9 TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN JANTINA - RAJAH 10 TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN SEMESTER - RAJAH 11 TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN BANGSA - RAJAH 12 MENUKAR REKA BENTUK SPMP MENJADI LEBIH INTERAKTIF DANBERINFORMASI 	3 5 6 11 17 26 31 33 43 44 45 49

ABSTRAK

Laman sesawang (website) untuk pendidikan memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kembangkan lagi sesuatu taraf pendidikan sesebuah negara. Dengan wujudnya platform (website) untuk pendidikan di setiap pusat pengajian tinggi ini mampu membantu para pelajar menggunakannya dari pelbagai sudut seperti untuk pembelajaran atau pengurusan maklumat mereka kerana ianya dilihat lebih mudah dan cepat. Jika sebelum ini pelajar hanya menjalani pembelajaran secara kuliah dan perlu ke pejabat untuk menguruskan sesuatu maklumat, tetapi kini semuanya menjadi lebih mudah dan pantas kerana mereka boleh menggunakan laman medium (website) untuk pembelajaran atas talian serta menguruskan maklumat mereka hanya dari rumah dengan menggunakan telefon pintar atau komputer. Pembelajaran dengan secara kuliah atau keas masih lagi relevan sekiranya keadaan semasa kembali pulih dari wabak COVID-19 yang melanda negara kini. Penulisan ini bertujuan untuk mengupas tentang penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu yang digunakan oleh para pelajar politeknik untuk segala urusan berkaitan pusat pengajian mereka. Kajian ini telah menggunakan kaedah soal selidik sebagai kaedah utama bagi menyelesaikan masalah ini iaitu dengan memberi soal selidik kepada pelajar politeknik untuk mengetahui perkara yang sebenar berlaku di institusi tersebut. Kajian ini mendapati SPMP (website) tersebut kurang digunakan oleh pelajar politeknik Kota Bharu kerana terdapat beberapa masalah yang dihadapi. Dengan adanya penulisan sedemikian, dapat membantu golongan pelajar untuk lebih kerap menggunakan SPMP (website) dalam urusan yang melibatkan pusat pengajian mereka ini menjadi lebih baik dan boleh digunakan dengan lancar.

Kata Kunci : SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik)

ABSTRAK BAHASA INGGERISS

Websites for education play an important role in efforts to improve skills and further develop a standard of education in a country. With the existence of a platform (website) for education in each university is able to help students use it from various angles such as for their learning or information management because it is seen easier and faster. If previously students only underwent learning through lectures and need to go to the office to manage information, but now everything becomes easier and faster because they can use the medium (website) for online learning and manage their information only from home using a smartphone or a computer. Learning by lecture or keas is still relevant if the current situation recovers from the COVID-19 epidemic that hit the country today. This article aims to examine the students' acceptance of the design of SPMP (Polytechnic Information Management System) Kota Bharu used by polytechnic students for all matters related to their school. This study has used the questionnaire method as the main method to solve this problem that is by giving questionnaires to polytechnic students to find out what really happened in the institution. This study found that the SPMP (website) is less used by Kota Bharu polytechnic students because there are some problems encountered. With such writing, can help students to use SPMP (website) more often in matters involving their school to be better and can be used smoothly.

Keyword: SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, seluruh negara besar dunia berusaha untuk membangun serta meningkatkan teknologi yang canggih dalam sistem pembelajaran untuk memajukan negara masing-masing termasuklah Malaysia. Peredaran waktu yang berlaku ini telah menggalakkan orang ramai untuk sentiasa membangun dengan teknologi. Perkembangan teknologi komputer menjadi perkara yang sangat biasa pada waktu ini. Komputer adalah bukti perkembangan teknologi semasa. Hampir setiap bidang kehidupan telah menggunakan komputer sebagai peralatan kerja, bidang pendidikan, kerajaan, perniagaan dan juga dalam organisasi. Strategi diperlukan bagi terus maju dan berkembang, salah satunya adalah penggunaan sistem maklumat. Penggunaan sistem maklumat yang betul sudah pasti dapat menghasilkan keberkesanan dan kecekapan dalam dunia menjalankan sistem pembelajaran atas talian.


Di Malaysia, sistem pembelajaran dalam talian sudah lama digunakan dan ditambah baik saban tahun oleh institusi pengajian seperti universiti dan politeknik tetapi masih mempunyai beberapa masalah yang boleh di atasi. Hal ini kerana, dalam keadaan Covid-19 yang sedang melanda hampir seluruh dunia kini pusat pengajian harus memiliki platform yang baik untuk memudahkan pelajar mendapatkan maklumat yang sahih dari pusat pengajian masing-masing. Sebagai contoh, website khas milik pusat pengajian tinggi yang disediakan untuk mengurus maklumat serta memberi segala maklumat atau informasi terkini kepada pelajar seperti tugas mingguan, tarikh penghantaran tugas dan sebagainya. Oleh itu, penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu harus dikenal pasti.

Penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu dilihat salah satu faktor untuk menggalakkan lagi pelajar untuk menggunakannya dengan lebih kerap. SPMP (website) boleh menjadi medium untuk pelajar politeknik di Kota Bharu mendapatkan maklumat tentang pelajaran atau info terkini serta nota-nota yang disediakan oleh pensyarah mereka hanya dari rumah sahaja. Penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (website) sememangnya akan berkesan kerana pada era ini pelajar kebanyakan lebih tertarik untuk mengakses sesuatu laman sesawang atau aplikasi yang menarik serta cantik susun atur dalamannya. Kebanyakan pelajar politeknik di Kota Bharu hanya mengakses SPMP (website) untuk melihat tugas mingguan serta menghantar tugas sahaja dan paling kerap hanya dua kali seminggu. Hal ini telah menyebabkan pelajar politeknik di Kota Bharu tidak dapat menggunakan SPMP (website) sebaiknya atau cuba untuk melihat input yang telah di sediakan oleh pihak pengurusan. Rekabentuk yang menarik amat diperlukan dalam usaha untuk menarik minat pelajar untuk lebih mengenali webstie pusat pengajian mereka. Satu kajian perlu dilakukan dalam usaha untuk melihat penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (website) Kota Bharu.

Selain itu, penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu akan lebih mendorong pelajar untuk menjadikannya sebagai platform terbaik untuk mendapatkan sebarang maklumat berkaitan pembelajaran mereka. Terdapat banyak platform luar dalam Google yang menyediakan pelbagai maklumat tetapi adakala sumbernya tidak di ketahui dan tidak boleh digunakan sebagai rujukan. Oleh itu, SPMP (website) ini boleh dijadikan tempat untuk pelajar politeknik di Kota Bharu mendapatkan maklumat atau mencari bahan rujukan dalam menyiapkan tugas mereka. Maklumat atau bahan rujukan pelajar politeknik di Kota Bharu akan lebih tepat kerana sumbernya di peroleh melalui SPMP (website) disediakan oleh penarah mereka dan menggunakan rubrik pusat pengajian tersendiri. Oleh itu, SPMP harus memiliki rekabentuk yang boleh diterima pelajar serta berinformasi untuk digunakan.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1.1 POLITEKNIK DI MALAYSIA



RAJAH 1: PETA POLITEKNIK KOTA BHARU

Asas penubuhan politeknik di negara ini tercetus dengan penubuhan sekolah aliran teknik dan vokasional. Ianya bermula pada tahun 1906 apabila Sekolah Teknik Treacher ditubuhkan di Kuala Lumpur yang bertujuan untuk melatih juruteknik-juruteknik bagi jabatan-jabatan teknik kerajaan. Mata pelajaran berbentuk praktikal seperti menyimpan kira-kira, menganyam bakul dan pertukangan kayu mulai diajar di beberapa buah sekolah rendah mulai 1920-an. Akhirnya pada tahun 1926, sebuah sekolah pertukangan yang pertama telah ditubuhkan untuk pelajaran pertukangan yang memberi kursus-kursus asas kepada mekanik, juruelektrik dan tukang kayu. Selepas merdeka, pendidikan teknik terus mendapat perhatian pihak kerajaan apabila satu bahagian pendidikan teknik ditubuhkan di bawah Kementerian Pelajaran pada tahun 1964. Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan semua rancangan dan pendidikan teknik dan vokasional dalam negara.

Pada tahun 1969, politeknik yang pertama iaitu Politeknik Ungku Omar telah ditubuhkan di Ipoh, Perak. Penubuhannya adalah hasil cadangan Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi atau dikenali juga dengan Laporan Khir Johari pada tahun 1967. Penubuhan politeknik ini bertujuan untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir di peringkat separa profesional dalam bidang teknik dan perdagangan. Selain itu, kekurangan ahli teknikal yang berkelayakan untuk kebanyakan perusahaan serta kekurangan kakitangan yang berkelayakan bagi membantu semua urusan perniagaan juga menjadi pendorong kepada penubuhan politeknik. Pengambilan pertama pelajar Politeknik Ungku Omar pada tahun 1969 adalah seramai 290 orang. Antara kursus yang ditawarkan ketika itu adalah seperti Ilmu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan

Jentera, Kursus Perdagangan dan Ilmu Perniagaan. Kelayakan masuk ke politeknik ketika itu ialah menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia,

Selain itu, kedudukan politeknik sebagai sebuah institusi pengajian adalah tertakluk di bawah Akta Pelajaran 1961. Institusi lain yang termasuk dalam akta ini antaranya ialah Institut Teknologi Mara dan Kolej Tunku Abdul Rahman. Walau bagaimanapun, kedudukan politeknik sebagai sebuah institusi pengajian tinggi tidak dinyatakan secara khusus dalam akta tersebut sehingga wujudnya Akta Pendidikan 1996 yang menyatakan secara khusus berkaitan politeknik seperti yang tertera pada Seksyen 34 (1) (c)

Pendidikan ini diperkukuhkan dengan perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai pendidikan pada tahun 1979 dan Pelan Induk Perindustrian Kebangsaan Pertama (1985-1995). Kesemua perancangan termasuk perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan (1991), telah membolehkan penubuhan lebih banyak politeknik serta menambah program pengajian bagi memenuhi keperluan pekerja separa professional dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan perkhidmatan. Jemaah Menteri pada 26 Mac 2010 telah menimbang Memorandum Pengajian Tinggi (No. 198/2685/2010) dan bersetuju supaya ditubuhkan empat buah Politeknik METRO dalam RMKe-9 dan enam buah dalam RMKe-10.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.1.2 POLITEKNIK KOTA BHARU



RAJAH 2 : LOGO POLITEKNIK KOTA BHARU

Manakala Politeknik Kota Bharu pula mula beroperasi pada 1985 di kampus sementara di Sekolah Menengah Teknik Pasir Mas, Bunut Susut, Kelantan. Politeknik Kota Bharu kemudian berpindah ke kampus kekalnya pada tahun 1988 di Kok Lanas, Ketereh. Pada awal penubuhannya bilangan pelajar adalah seramai 400 orang dengan 44 tenaga pengajar sahaja memandangkan pusat pendidikan sebegitu baru sahaja ditubuhkan, namun kini Politeknik Kota Bharu telah memiliki 5567 orang pelajar dengan 480 orang staf akademik dan 127 orang staf bukan akademik.

Selain daripada itu, unit ini juga berfungsi membantu para pensyarah mengintegrasikan teknologi multimedia dalam P&P serta membimbing pensyarah mengaplikasikan teknologi multimedia dalam menghasilkan bahan P&P yang lebih efektif untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan di politeknik. Maklumat pelajar juga diurus dengan teratur dari masa ke masa melalui unit ini iaitu SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) seluruh Malaysia. Tetapi untuk kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan kepada reka bentuk SPMP di politeknik Kota Bharu sahaja. Kajian dijalankan kepada pelajar politeknik Kota Bharu mengenai penerimaan mereka terhadap reka bentuk SPMP tersebut.

MALAYSIA

KELANTAN

1.1.3 SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT POLITEKNIK (SPMP)



RAJAH 3 : PAPARAN SPMP

Unit Pembangunan Intruksional dan Multimedia (Unit for Instructional Development & Multimedia) atau UIDM serta SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) berfungsi sebagai unit sokongan yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pemberi maklumat terkini bagi keperluan warga politeknik di Kota Bharu sama ada untuk proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) atau sebarang aktiviti dan majlis-majlis rasmi politeknik. Segala maklumat boleh diakses melalui SPMP dan ianya dianggap website induk untuk pelajar politeknik. Selain itu, SPMP merupakan medium penting bagi pelajar atau pensyarah politeknik kerana segala informasi penting terdapat di dalamnya dan hanya boleh diakses oleh warga politeknik sahaja.

Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik atau SPMP adalah website khas yang menjadi medium induk yang mengurus semua maklumat atau data untuk kegunaan warga politeknik. Website ini dibangunkan untuk memudahkan urusan warga politeknik dalam semua bidang seperti pengurusan maklumat, info semasa, nota dan video pembelajaran dan sebagainya telah diletak di dalamnya. Pengurusan segala maklumat pelajar boleh di periksa dan di kemas kini melalui SPMP ini manakala terdapat bahagian khas yang menyediakan video dan nota pembelajaran untuk kegunaan pelajar. Semua bahagian ini telah di letak dalam bentuk susunan. Namun demikian, kebanyakan pelajar politeknik tidak mengetahui fungsi SPMP ini sepenuhnya. Mereka beranggapan SPMP hanya untuk urusan maklumat sahaja dan tidak ramai yang tahu tentang fungsi dan perisian lain yang terdapat di dalamnya.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Institusi pendidikan adalah salah satu medium di mana kita boleh mengembangkan lagi sistem pendidikan negara. Hal ini kerana dapat memperkukuhkan dunia pendidikan supaya dapat terus bersaing dengan negara maju yang lain. Terdapat pelbagai langkah meningkatkan pendidikan yang kita boleh lihat seperti wujudnya banyak pusat pendidikan, pendidikan dalam talian, dan sebagainya. Salah satu contoh kita dapat lihat daripada keadaan pendidikan dalam talian. Pendidikan atas talian akan merujuk kepada sebuah aktiviti yang dijalankan oleh pelajar terutama mereka yang berada di pusat pendidikan tinggi seperti universiti dan politeknik bagi meningkatkan serta meneruskan pembelajaran ketika Negara sedang menghadapi wabak Covid-19 yang memaksa pelajar belajar dari rumah. Malah, untuk terus meningkatkan pendidikan kepada orang pelajar kini adalah menjadi satu cabaran yang besar.

Penyelidikan harus bermula dengan permasalahan, pengalaman ataupun kesusahan (John Dewey, 1910). SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) telah lama dibina di politeknik. Pengkaji mendapati terdapat beberapa masalah yang berkaitan dengan SPMP, masalah pertama adalah dari segi reka bentuk yang tidak menarik telah menjadi faktor kepada kepada kekurangan pelajar mengakses SPMP. Oleh itu, susun atur reka bentuk SPMP boleh menjadi penyebab kepada beberapa masalah lain seperti pelajar tidak mengetahui apa lagi yang disediakan oleh medium tersebut dan tidak memperoleh maklumat terkini dan tepat.

Terdapat beberapa masalah yang dikenal pasti dalam kajian penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Kajian mendapati faktor rekabentuk yang kurang menarik telah menyebabkan pelajar politeknik di Kota Bharu tidak berminat untuk mengakses SPMP dengan lebih kerap walaupun ianya berfungsi dengan baik. Kebanyakan pelajar hanya akan mengakses SPMP hanya untuk melihat tugas atau keputusan peperiksaan mereka sahaja tanpa mengetahui fungsi lain yang terdapat dalam website itu.

Selain itu, permasalahan lain ialah sukar bagi pelajar di Politeknik Kota Bharu untuk mendapatkan maklumat dalam SPMP (website) kerana susun aturnya yang tidak tersusun. Susun atur yang menarik akan menjadi faktor atau daya penarik untuk pelajar mengakses sesebuah website dengan lebih kerap. Hal ini demikian kerana, susun atur yang menarik dan efektif lebih berkesan dalam menarik pelajar menggunakannya.

Seterusnya, pelajar politeknik di Kota Bharu juga tidak berminat untuk mengakses ke dalam SPMP dengan lebih kerap kerana infrastruktur dalamnya yang kurang menarik dan tidak mengetahui tentang informasi yang telah disediakan kepada mereka. Walaupun pelbagai maklumat serta nota yang lengkap telah disediakan oleh pensyarah untuk kegunaan pelajar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui tentangnya. Hal ini kerana, pelajar tidak kerap menggunakan SPMP dalam urusan pembelajaran mereka.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk melihat penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar) di Kota Bharu dan membantu dalam membuat penambah baik kepada website tersebut. Hal ini demikian kerana pelajar kurang mengakses SPMP dalam urusan pembelajaran mereka dan hanya menggunakannya untuk mengetahui maklumat terkini sahaja. Pada peringkat awal kajian ini adalah untuk pengkaji mengenalpasti reka bentuk yang menarik dan sesuai dibangunkan dalam meningkatkan SPMP dan mengalakkan pelajar politeknik menggunakannya dalam urusan pembelajaran mereka. Melalui reka bentuk yang menarik dilihat mampu menarik pelajar untuk kerap menggunakannya.

Oleh itu, bagi mencapai matlamat utama dalam kajian ini, sebanyak tiga objektif kajian telah dikenalpasti. Berikut adalah antara objektif kajian ini.

1. Mengkaji tentang cara – cara menambahbaik rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) untuk pelajar di Kota Bharu.
2. Memperkenalkan solusi terbaik kepada susun atur dalam SPMP (website) bagi memudahkan urusan pelajar politeknik Kota Bharu untuk mendapatkan sebarang maklumat.
3. Membantu pelajar politeknik Kota Bharu untuk lebih kerap dan mempraktikkan penggunaan SPMP (website) dalam mencari bahan sebagai rujukan pembelajaran.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah masalah yang terdapat ketika pengkaji hendak menjalankan kajian penyelidikan di tempat latihan industri. Terdapat tiga persoalan yang akan diberikan oleh pengkaji bagi kajian mengenai penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar) Kota Bharu.

1. Adakah rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar) untuk penggunaan pelajar ini berfungsi dan menarik untuk digunakan oleh para pelajar di Politeknik Kota Bharu ?
2. Adakah susun atur yang terdapat dalam SPMP (website) memudahkan urusan pelajar untuk mendapatkan sebarang maklumat?
3. Adakah infrastruktur dalaman SPMP (website) cukup menarik serta mempunyai informasi yang cukup lengkap untuk kegunaan pelajar di Politeknik Kota Bharu?

1.5 SKOP KAJIAN

Fokus utama kajian ini dijalankan adalah berkaitan kajian mengenai penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) kepada pelajar politeknik Kota Bharu.

Oleh itu, skop kajian lebih tertumpu kepada kakitangan atau staff di dalam Politeknik Kota Bharu, pelajar politeknik serta orang awam yang berdekatan sekitar Politeknik Kota Bharu. Bagi mencapai objektif kajian iaitu menambahbaik reka bentuk SPMP kepada warga politeknik.

Kajian ini dijalankan di pusat pengajian politeknik Kota Bharu Kajian ini telah tertumpu kepada penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) yang melibatkan aspek seperti dari segi keberkesanan SPMP untuk menarik pelajar menggunakannya dan berfungsi dengan baik, sukar bagi pelajar untuk mendapatkan maklumat dalam SPMP (website) kerana susun aturnya yang tidak tersusun serta pelajar politeknik juga tidak berminat untuk mengakses ke dalam SPMP dengan lebih kerap kerana infrastruktur dalamnya yang kurang menarik dan tidak mengetahui tentang informasi yang telah disediakan kepada mereka.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian yang telah pengkaji dapati bahawa terdapat banyak kepentingannya kajian ini berdasarkan kajian mengenai penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar) merupakan website khas untuk kakitangan dan pelajar politeknik yang menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti pengurusan maklumat pelajar, medium informasi terkini, serta penyediaan sumber pembelajaran untuk kegunaan pelajar. Kajian ini penting untuk dilakukan agar pelajar lebih kerap menggunakan medium serba lengkap ini dalam urusan pembelajaran dan pengurusan maklumat mereka. Penambahbaikan kepada reka bentuk SPMP ini dapat membantu dalam menyelesaikan masalah kekurangan penggunaannya.

Selain itu, melalui kajian ini juga diharap dapat membantu bahagian multimedia politeknik untuk berubah reka bentuk SPMP yang lama dan kurang menarik minat pelajar menggunakannya kepada lebih kerap mengaksesnya untuk urusan pembelajaran mereka. Kajian ini dapat membantu menaiktaraf sistem untuk memudahkan urusan bagi para pelajar dan pensyarah dalam pembelajaran ataupun pengurusan maklumat. SPMP ini amat penting bagi semua pihak kerana ianya seperti induk kepada semua maklumat dan data untuk pelajar serta pensyarah. Oleh itu, amat penting untuk menjalankan kajian tentang penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP di politeknik Kota Bharu.

1.6.1 PELAJAR

Melalui kajian ini diharapkan akan membantu pelajar untuk lebih kerap mengakses SPMP dalam urusan pembelajaran mereka. Hal ini kerana, SPMP (website) ini telah menyediakan semua maklumat lengkap seperti informasi terkini tentang politeknik serta nota untuk kegunaan pembelajaran pelajar. Perkara ini secara tidak langsung memudahkan pelajar mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Pelajar juga boleh mengelakkan daripada

menggunakan maklumat yang tidak sah dari internet atau google sekiranya mereka menjadikan nota yang terdapat dalam SPMP ini sebagai rujukan.

1.6.2 PENSYARAH

Kajian ini juga dapat membantu memudahkan pensyarah dalam proses pembelajaran sewaktu kelas dan di luar kelas. Pensyarah hanya perlu memasukkan nota ke dalam SPMP dan boleh dilihat oleh semua pelajar dalam waktu yang sama. Proses pembelajaran akan lebih pantas dan berkesan dengan adanya nota yang disediakan dalam SPMP. Nota yang disediakan juga masih boleh untuk di lihat oleh pelajar walaupun setelah tamat waktu pembelajaran. Hal ini akan memberi kebaikan kepada semua pihak termasuk pelajar dan pensyarah yang mengajar.

1.6.3 STAF AKADEMIK

Kajian ini dapat membantu staf akademik dalam menyampaikan maklumat tentang notis penting seperti tarikh peperiksaan, tarikh pendaftaran dan sebagainya. Staf akademik boleh menyampaikan segala informasi atau hebahan melalui SPMP dari masa ke masa dengan lebih pantas. Melalui SPMP ini juga staf atau kakitangan politeknik boleh menguruskan maklumat pelajar hanya dalam talian dan ini akan mempercepatkan lagi proses tersebut. Hal ini telah memudahkan urusan pihak staf akademik dalam menjalankan tugas mereka.

1.7 KERANGKA KONSEP

Kerangka konsep dibina untuk menjelaskan secara ringkas tentang bentuk kajian, hala tuju kajian, dan peringkat kajian atau fasa fasa dalam proses kajian. Rajah 2 dibawah akan menunjukkan fasa-fasa kajian yang bermula daripada pengenalan pasti penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP, penambah baik SPMP, dan penarik minat pelajar untuk lebih kerap menggunakan SPMP. Fasa tersebut telah dibahagi kepada tiga bahagian seperti bahagian A, B dan C. Pada fasa A kajian dilakukan dengan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP iaitu sistem yang sedia ada untuk melihat masalah yang terdapat padanya dan menyelesaikan masalah tersebut. Fasa B pula adalah fasa penambah baik reka bentuk yang sedia ada yang mana system itu mula ditambah baik dari segi reka bentuknya dan mempunyai sistem yang lengkap dan mesra pengguna seperti pelajar politeknik. Fasa C adalah fasa penarik minat pelajar untuk lebih kerap menggunakan SPMP oleh warga politeknik seperti kakitangan atau staf, pelajar dan pensyarah. Berdasarkan permasalahan kajian dan kajian literature review baik dari buku atau artikel yang relevan, maka diperoleh kerangka konsep seperti di bawah ini.

FUNGSI UTAMA



RAJAH 4:KERANGKA KONSEP

1.8 METODOLOGI DAN OPERASIONAL KAJIAN

Metodologi kajian bermaksud dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang berlandaskan pada filosofi positivism yang bertujuan untuk mengkaji sesuatu populasi atau sample tertentu. Populasi atau sample ini sangat penting untuk pengkaji mencari sebanyak mungkin maklumat tentang tajuk kajian yang dipilih. Melalui reaksi atau jawapan dari populasi atau sample ini, kajian yang dilakukan akan lebih tepat dan jelas.

Populasi atau sample ini seperti responden yang mana dalam kajian ini pengkaji telah menjadikan pelajar politeknik sebagai responden manakala untuk lokasi pula bertempat di politeknik Kota Bharu. Responden yang dipilih melibatkan pelajar dari semester pertama hingga akhir. Hal ini demikian kerana untuk mendapatkan pandangan menyeluruh tentang penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP ini. Sampel diambil dengan menggunakan kaedah convenience sampling iaitu teknik pengumpulan maklumat daripada responden dengan sukarela Sekaran, 201.

Selain itu, bagi instrumen kajian pula pengkaji akan menggunakan borang soal selidik yang direka dengan campuran soalan tertutup dan terbuka. Setiap soalan yang dibina akan melalui beberapa fasa seperti fasa pemeriksaan terhadap soalan tersebut adalah sesuai digunakan atau sebaliknya. Pemeriksaan ini dilakukan oleh pensyarah untuk memastikan soalan yang dibina sudah cukup baik sebelum diedarkan kepada responden iaitu pelajar politeknik di Kota Bharu.

Seterusnya, methodology kedua yang akan digunakan oleh pengkaji adalah melalui temu bual dan kaedah kajian pustaka atau kajian literatur. Soal selidik ini akan dijalankan terhadap informan iaitu pensyarah politeknik Kota Bharu. Sama seperti soalan soal selidik, soalan untuk temu bual ini akan diperiksa terlebih dahulu sebelum digunakan. Kajian literature pula digunakan dengan menganalisa artikel-artikel ilmiah yang terlebih dahulu dan bersumber dari Google Scholar.

Kajian pustaka akan dijelaskan secara terperinci dan mendalam dalam bab 2 “Kajian literatur”. Menurut Ali, Nandan Limakrisna, 2013, menyatakan sebagai dasar perumusan hipotesis dan selajutnya menjadi dasar perbandingan dengan hasil atau pertemuan yang terungkap dalam kajian. Melalui kajian ini juga pengkaji dapat menggunakan maklumat terdahulu sebagai rujukan dalam menjalankan kajian ini. Kajian literatur ini amat berguna untuk panduan dan melihat masalah lampau yang hampir sama dengan tajuk yang telah dipilih. Melalui kajian literatur ini pengkaji dapat melihat hasil atau penemuan terdahulu yang akan membantu dalam membuat hipotesis dalam kajian yang akan dijalankan. Kajian lampau atau literatur ini sangat penting dalam sesebuah kajian.

i. INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian adalah alat yang digunakan untuk mengumpul data. Data penyelidikan kuantitatif borang soal selidik adalah merupakan instrumen yang sangat penting untuk mengutip data. menerusi konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latar belakang kajian.

1. Soal Selidik
2. Temu Bual

ii. OPERASI KAJIAN

Pengkaji juga telah menjalankan operasional kajian dalam usaha mengumpul seberapa banyak maklumat daripada pelajar serta staf politeknik Kota Bharu dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Tujuan membuat operasional kajian ini ialah supaya dapat mengurangkan lebih masa dibuang untuk perkara tidak penting. Masa adalah sangat penting sewaktu menjalankan kajian dan tidak boleh dibazirkan dengan perkara remeh dan tidak penting. Oleh itu, dalam kajian ini penulis telah memilih untuk membuat operasi kajian seperti menyediakan perancangan berjadual seperti berikut:

1. Gantt Chart Frasa 1
2. Gantt Chart Frasa 2

Gantt Chart amat penting untuk menyatakan dengan jelas perancangan yang dibuat oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Melalui gantt chart juga pengkaji boleh memastikan waktu menjalankan kajian ini teratur dan sesuai untuk setiap bahagian dan dapat disiapkan dalam tempoh tertentu. Gantt chart ini juga akan diletakkan pada bahagian rancangan pelaksanaan kerja kelak.

1.9 BATASAN KAJIAN

Semasa menjalankan kajian, terdapat beberapa Batasan yang dihadapi oleh pengkaji dari segi masa, kos dan juga kaedah yang digunapakai. Batasan ini telah merencatkan sedikit perjalanan kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji perlu menghadapi batasan seperti wabak yang melanda seluruh negara kini iaitu Covid-19 yang menyebabkan tidak boleh keluar dari zon yang tetap ditetapkan. Hal ini akan memberi kesan kepada kajian yang dilakukan. Batasan tersebut adalah seperti berikut:

1. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah soal selidik. Dengan ini segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan kepada maklumat maklum balas daripada responden. Jawapan yang diberikan itu akan menjadi sumber maklumat kepada pengkaji sewaktu menjalankan kajian ini. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan kejujuran responden semasa menjawab soalan soal selidik.
2. Kesukaran untuk mencari mencari bahan dan sumber yang tepat mengenai reka bentuk website berkesan yang boleh diguna pakai untuk sistem website di politeknik Kota Bharu. Sumber yang tepat amat penting dalam pembinaan atau penambahbaikan kepada sesuatu reka bentuk website. Kekurangan sumber yang tepat boleh menyebabkan berlaku ralat atau susun atur yang tidak menarik sewaktu penambahbaikan dilakukan.
3. Kesukaran untuk mengetahui lebih mendalam mengenai SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Hal ini kerana pandemik yang berlaku menyebabkan pergerakan untuk mendapatkan maklumat terbatas. Apabila pergerakan terbatas, pengkaji tidak dapat menjalankan temu bual secara formal atau bersemuka dengan informan untuk mendapatkan maklumat tertentu. Pengkaji hanya dapat menemu bual informan hanya melalui panggilan video sahaja.

1.10 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian dalam bab ini adalah kepentingan penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Hal ini kerana, melalui penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP dapat menyelesaikan masalah kurangnya penggunaan website oleh pelajar untuk mendapatkan maklumat terkini dan lebih menarik untuk digunakan. Secara keseluruhannya, pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian mengenai penambah baik kepada reka bentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik). Dimana SPMP ini merupakan (website) yang memainkan peranan penting dalam mengurus serta memberi maklumat kepada pelajar dan pensyarah di politeknik Kota Bharu. Segala maklumat berkaitan penambah baik kepada reka bentuk SPMP akan membantu menarik minat pelajar untuk lebih menggunakannya dan dijadikan sebagai rujukan.

BAB 2

KAJIAN LITERATURE

2.0 PENGENALAN

Menurut Kamus Pelajar Edisi 2 Reka Bentuk atau corak sesuatu yang direka. adalah salah satu rekaan yang di bentuk oleh pereka dalam menyampaikan corak yang mempunyai nilai dan boleh menarik minat orang yang melihatnya.

Seterusnya, menurut Kamus Pelajar Edisi 2 website ialah dokumen elektronik pada paparan skrin computer, biasanya mengandungi teks, grafik, imej, dan juga bunyi. Ianya juga boleh didefinisikan seperti sesuatu institusi, persatuan, organisasi, dan individu yang boleh mencapainya melalui internet.

Kajian literasi ini dihasilkan berperanan sebagai rumusan, huraian dan penilaian literasi untuk bahan-bahan bernilai dengan bertujuan untuk mencari semua pengetahuan tentang sesuatu bahan bernilai itu. Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan dengan tepat dan menyatakan beberapa kajian lepas bagi menerangkan kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini. Kaitan ini amat penting untuk dijadikan panduan kepada pengkaji dalam menjalankan kajian kelak.

Antara aspek-aspek yang akan diterangkan dalam bab ini adalah mengenai kajian lampau yang mempunyai persamaan dengan tajuk pengkaji iaitu penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP dan menambahbaik susun atur yang sedia ada. Kajian yang melibatkan pembinaan atau pembangunan website serta reka bentuknya, model yang boleh serta sesuai digunakan dan teori yang boleh diguna pakai. Kesemua yang dinyatakan tersebut amat penting untuk pengkaji fahami sebelum memulakan kajian sebenar. Hal ini demikian kerana, pengkaji harus mencari kajian lampau yang mempunyai perkaitan dengan reka bentuk website. Penambahbaikan terhadap reka bentuk SPMP perlu dilakukan dengan betul dan teliti dan memerlukan panduan yang secukupnya.

2.1 KAJIAN PUSTAKA / LITERATUR

Melalui kaedah kajian ini, pengkaji akan menggunakan fakta-fakta dan maklumat yang pernah diterbitkan serta berkaitan dengan kajian yang dilakukan sebelum ini. Pengkaji juga telah mencari bahan-bahan rujukan seperti surat khabar, artikel, jurnal, laman sesawang dan buku risalah yang berkaitan dengan reka bentuk website yang sama dengan tajuk pengkaji iaitu penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) dan menambahbaik susun aturnya. Untuk kajian ini, banyak maklumat telah dikajikan dan diperolehi dari Internet yang membekalkan perkembangan sumber maklumat yang terkini.

Pengkaji telah melayari laman web (web browser) yang digunakan untuk mencari maklumat di internet adalah google chrome. Search engine merupakan suatu program internet yang diciptakan untuk membantu pengguna mencari maklumat dalam world wide web dengan cara paling pantas dan mudah. Penggunaan google ini banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat tentang kajian literature. Engine pencari yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

1. Google
2. Google scholar


Pengkaji hanya dapat menggunakan maklumat dari sumber internet sahaja kerana kekangan atau batasan untuk mendapatkan maklumat di perpustakaan. Terdapat banyak maklumat yang diperolehi daripada google scholar mengenai reka bentuk website. Sumber dari medium tersebut boleh digunakan kerana ianya hasil kajian lepas dan lengkap dengan fakta. Semua fakta ini amat penting bagi kegunaan pengkaji dalam menjalankan kajian. Antara sumber yang digunakan adalah seperti berikut:

2.2.1 MODEL WATER FALL

Model Water Fall atau metodologi ini akan melibatkan semua jenis pengumpulan maklumat atau data berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Metodologi air terjun atau model ini adalah model pembangunan perisian yang terawal yang digunakan. Seperti namanya iaitu air terjun, ianya adalah proses berurutan atau menurun yang mana kemajuan mengalir melalui beberapa fasa dari atas ke bawah. Menurut Kadir, 2003 telah menyatakan tentang fasa model Air Terjun adalah analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan, pengujian dan pelaksanaan. Setiap langkah berhubung dengan langkah lain atau seterusnya ini akan membentuk sesuatu rangkaian atau rantai secara menurun. Selain itu, setiap fasa ini akan selesai sepenuhnya sebelum bergerak ke fasa seterusnya. Model atau metodologi ini tidak fleksibel dan agak ketinggalan dalam model kitar hayatnya. Metodologi ini juga hanya sesuai untuk kajian yang berisiko rendah dalam prosesnya atau pembuatan antara muka pengguna dan keperluan prestasi tetapi berisiko tinggi dalam perancangan pelaksanaan dan kawalan. Model atau metodologi ini dipilih pengkaji adalah kerana seperti berikut:

- a) Untuk mengenalpasti struktur sistem
 - Aliran logical boleh dilihat dengan mudah dan jelas.
Aliran sebegini dilihat sangat sesuai digunakan untuk kajian berkaitan dengan reka bentuk website dan berfungsi dengan baik apabila menggunakannya.
- b) Keupayaan berulang
 - Setiap langkah boleh dilakukan secara berulang kali untuk menjamin kelancaran proses kajian.
Hal ini sangat membantu dalam kajian terhadap reka bentuk website kerana untuk membangunkan atau menambahbaiknya memerlukan proses pengulangan “try and error”.
- c) Melibatkan penyertaan pengguna
 - Untuk membolehkan keperluan sistem yang dingini dapat dihasilkan.

Proses ini memerlukan pengguna turut serta dalam sesi percubaan untuk mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanannya.



RAJAH 5: WATERFALL

Oleh itu, pengkaji memilih untuk menggunakan model ini dalam menjalankan kajian kerana dilihat lebih berkesan dan cepat untuk mencapai sesuatu keputusan. Coraknya yang tersusun dari atas turun ke bawah akan menunjukkan bahagian yang penting dahulu dan langkah seterusnya seperti yang terdapat pada rajah yang telah di lampirkan. Kajian akan dapat dijalankan dengan lancar apabila menggunakan model ini dan dapat disiapkan dalam tempoh yang singkat. Hal ini sangat penting untuk pengkaji dalam membuat penambahbaikan kepada reka bentuk SPMP apabila sudah mendapat reaksi pelajar politeknik terhadap reka bentuk website tersebut. Tempoh masa untuk menjalankan kajian amat penting bagi pengkaji kerana perlu mendapatkan sebanyak maklumat dari responden dan melakukan hipotesis dan rumusan terhadap maklum balas mereka.

2.2.1 TEORI VISUAL DIGITAL

Selain itu, teori yang akan dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini adalah teori aplikasi visual digital. Visual Digital adalah satu program yang wujud di alam maya atau atas talian. Ianya boleh dilihat dan mempunyai pelbagai bentuk dan warna untuk menarik perhatian penggunanya. Teori ini telah dipilih kerana pengkaji beranggapan ianya sesuai dengan tajuk yang dijalankan iaitu berkaitan dengan penambahbaikan terhadap reka bentuk SPMP di politeknik. Pengkaji akan cuba mengetahui lebih lanjut tentang penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP yang sedia ada seperti adakah

reka bentuknya menarik atau sebaliknya. Hal ini kerana reka bentuk memainkan peranan penting bagi sesebuah website.

Menurut Kadir, 2003 aplikasi adalah program yang dibuat oleh pemakai dengan tujuan untuk melakukan tugas khusus mereka. Aplikasi juga boleh diibaratkan sebagai alat atau program komputer yang dicipta untuk membantu manusia dalam melaksanakan tugas tertentu mereka. Menurut Kadir lagi, 2008 program aplikasi merupakan program yang dicipta untuk menjalankan tugas dengan fungsi yang baik bagi pengguna atau aplikasi lain. Aplikasi yang pengkaji maksudkan dalam kajian ini ialah SPMP yang merupakan website khas untuk warga politeknik. Aplikasi boleh dibahagi kepada dua jenis iaitu:

- a) Aplikasi software khusus, program dengan dokumentasi terdapat yang dirancang untuk menjalankan tugas tertentu seperti website.
- b) Aplikasi pendidikan, program dengan dokumentasi gabungan yang dirancang untuk menyelesaikan masalah tertentu.

Melalui teori visual digital ini pengkaji dapat simpulkan bahawa aplikasi atau website merupakan alatan penghubung jarak jauh atau atas talian yang telah disusun secara sistematik untuk memudahkan urusan pengguna atau manusia dalam menjalankan program aplikasi untuk membantu manusia mencari penyelesaian yang dingini. Hal ini sama seperti penggunaan SPMP untuk pelajar politeknik dalam urusan pembelajaran serta sistem peribadi mereka. SPMP adalah website khas untuk warga politeknik dan medium induk yang menyimpan pelbagai maklumat serta berfungsi menyediakan pelbagai input lain seperti nota serta video pembelajaran, info semasa politeknik, dan tempat mempromosi barangan yang dijual oleh pelajar.

2.2.2 REKABENTUK E-PEMBELAJARAN (CIDOS) SEBAGAI SISTEM PENGURUSAN PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK MALAYSIA

Menurut Janarthini, Mohd Nihra dan Noor Azean, 2007 telah menyatakan dengan jelas yang e-pembelajaran masih lagi baru dan sedang berkembang di Malaysia. Perisian yang sebegini diguna pakai untuk e-pembelajaran juga masih berkembang dan dilihat belum berfungsi sepenuhnya lagi berdasarkan kepada sukatan pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia (Noor Azliza, Lilia, 2002). Di Universiti Malaysia (UM) kebanyakan pensyarah beranggapan diri mereka secara drastik terlibat dalam penulisan nota kuliah berformatkan digital bertujuan untuk dimuatnaik ke dalam LMS. Manakala di Universiti Sains Malaysia pula kajian mendapati tahap kefahaman responden terhadap e-pembelajaran adalah rendah dan tidak selari dengan perkembangan ICT (Rubiah & Jamilah, 2009).

Oleh itu, adalah sangat penting untuk membuat satu kajian bagi melihat kesan penggunaan CIDOS terhadap tahap kemahiran pelajar dalam penggunaan Teknologi

Maklumat. Selain itu, tahap kemahiran dalam sesuatu bidang juga biasanya akan memberi hubungan yang berkesan dan lebih efisien dengan penggunaan setiap elemen atau medium dalam sesuatu bidang. Tahap kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan pelajar pula akan bertambah sekiranya pelajar mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam menggunakan teknologi maklumat maka dengan ini secara tidak langsung penerimaan mereka terhadap pelaksanaan CIDOS juga adalah sangat memuaskan.

Seterusnya, CIDOS merupakan medium utama yang digunakan oleh semua politeknik di Malaysia bagi mengaplikasikan kaedah sistem pengurusan maklumat dan pembelajaran yang lebih menyeluruh berbanding CIDOS yang lebih ke arah pendekatan e-pembelajaran. Oleh itu, bagi memastikan penerimaan pelajar terhadap reka bentuk e-pembelajaran berkesan dengan maksimum di semua politeknik Malaysia, satu kajian perlu dibuat dalam usaha meningkatkan tahap penerimaan dan penggunaan pelajar terhadap CIDOS. Oleh yang demikian, penggunaan CIDOS sepatutnya dapat memberi kesan yang baik kepada pelajar seperti dapat mengetahui tentang pengurusan maklumat politeknik dan melihat semua nota yang disediakan oleh pensyarah pada bila-bila masa bukan hanya pada waktu pembelajaran di dalam kelas.

Selain itu, hubungan diantara tahap keberkesanan sesuatu medium seperti CIDOS (website) dengan tahap penerimaan pengguna terhadap medium tersebut adalah sangat ketara. Oleh itu, kajian untuk melihat tahap penerimaan pelajar terhadap reka bentuk CIDOS adalah penting dan perlu dihubungkan dengan tahap peningkatan pencapaian pelajar. Kajian ini juga akan menyatakan tentang kepentingan penerimaan pelajar terhadap reka bentuk CIDOS dengan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan tahap keberkesanan e-pembelajaran sebagai modul elektronik dalam melaksanakan proses pengurusan maklumat pelajar dan pembelajaran. Proses ini sangat penting pada waktu seperti sekarang yang mana pelajar hanya belajar dari rumah akibat penularan wabak Covid-19. Oleh itu kajian untuk melihat keberkesanan medium SPMP ini untuk warga politeknik di Kota Bharu.

Kajian ini juga membantu pengkaji untuk mengetahui lebih lanjut tentang penerimaan terhadap reka bentuk CIDOS dan mengenalpasti masalah yang mungkin berlaku dan menjadi rujukan penting semasa proses penambahbaikan sistem tersebut.

2.2.3 PEMBANGUNAN SISTEM PEMBELAJARAN MENERUSI WEB BAGI MATA PELAJARAN LUKISAN KEJURUTERAAN

Laman web ini dibangunkan khusus untuk pelajar-pelajar aliran teknikal dan kejuruteraan diperingkat IPT. Ini demikian kerana modul pengajaran di laman web ini disusun berdasarkan struktur yang jelas, menggunakan Bahasa Inggeris yang mudah dan padat dengan pelbagai contoh yang menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan projek sebagai kaedah pengajarannya. Melalui pembelajaran menerusi web ini pelajar berpeluang belajar pada bila-bila masa, seberapa kerap mengikut kelapangan dan minatnya serta boleh memberi maklum balas terus pada tugas-tugas yang diberikan di dalam laman web itu untuk disemak oleh pembangun laman web tersebut.

Selain itu, menerusi laman web ini juga pelajar boleh belajar dengan sendiri tanpa kehadiran pensyarah, disamping penggunaannya dalam meningkatkan lagi keberkesanan

dalam proses pengajaran dan pembelajaran di waktu kuliah. Secara tidak langsung penglibatan pelajar di laman web ini dapat meringankan tugas pengajaran pensyarah seterusnya pensyarah dapat bertindak sebagai fasilitator yang aktif membantu pelajar yang kurang arif menjawab tugas yang diberikan di waktu kuliah. Tugas juga boleh diberi dan dihantar melalui laman web ini. Disamping itu, pensyarah mempunyai lebih masa untuk mengenalpasti pelajar yang lemah supaya tindakan yang selanjutnya boleh diambil dengan segera untuk membantu mereka.

Setelah perbincangan serta perbandingan dibuat ke atas semua model yang disenaraikan di atas, model ADDIE (Rosset, 1987) telah dipilih untuk diterapkan dalam proses merekabentuk laman web pengajaran bagi matapelajaran yang menggunakan pendekatan iPBL ini. Model ADDIE ini mempunyai aliran proses yang jelas dan ciri-ciri fasa yang mudah difahami bagi membangunkan sesebuah laman web. Terdapat 5 fasa pembangunan yang terkandung dalam model ADDIE adalah seperti berikut:

1. Analisa

Dalam fasa analisa ini, terdapat beberapa kajian perlu dilaksanakan terhadap pengguna atau pelajar yang bakal melayari laman web ini untuk pengajaran dan pembelajaran mereka. Kajian umum seperti latar belakang pengguna, gaya pembelajaran, keperluan semasa pengguna dan sebagainya perlu dilakukan sebelum proses pembinaan perancangan kandungan laman web ini bermula sepenuhnya.

2. Reka bentuk

Selepas beberapa persoalan dirungkaikan dalam fasa analisa terdahulu, barulah boleh diteruskan ke fasa seterusnya iaitu fasa reka bentuk. Dalam fasa reka bentuk ini, pembangun perlu menetapkan objektif sebenar pembangunan laman web, strategi pengajaran yang digunakan, pendekatan yang dipilih serta menetapkan bentuk persembahan yang sesuai untuk membangunkan laman web tersebut.

3. Pembangunan

Terdapat beberapa perisian yang boleh digunakan dalam pembangunan laman web pengajaran ini antaranya ialah Photoshop, Flash dan lain-lain lagi sebagai perisian sokongan serta Macromedia Dreamweaver sebagai tapak asas kepada pembinaan laman web ini. Sewaktu proses pembangunan ini nanti, elemen seperti nota pembelajaran akan dijadikan medium utama pengajaran iPBL ini. Hal ini demikian bagi memastikan segala maklumat yang mustahak dapat disampaikan sepenuhnya kepada pengguna laman web tersebut. Dari segi persembahan antaramuka untuk keseluruhan pengajaran pula, latar belakang yang berwarna dipilih akan diaplikasikan bagi mewujudkan suasana harmoni dan tenang disamping latar depan yang berpilihan warna yang kontra seperti hitam. Unsur penataan yang efektif serta interaktif akan diaplikasikan pada setiap halaman pengajaran dan pembelajaran menerusi laman web ini untuk mewujudkan unsur keseragaman halaman.

4. Pelaksanaan

Dalam peringkat pelaksanaan ini pula, laman web yang telah siap dibentuk akan dipersembahkan dan diberi peluang kepada pengguna sasaran iaitu pelajar atau pensyarah untuk mencuba sesi pengajaran dan pembelajaran menerusi laman web tersebut. Perkara ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanannya agar tiada masalah berlaku sepanjang penggunaannya atau ralat dapat dikenalpasti untuk dilakukan proses baik pulih jika terdapat kekurangan. Selain itu, semasa proses pelaksanaan ini, persembahan akan dinilai secara formal dan tidak formal bagi memastikan kesempurnaan laman web ini sebelum ianya disebarkan kepada pelajar.

5. Penilaian

Akhir sekali, peringkat penilaian merupakan peringkat yang terakhir dalam model ini yang mana laman web telah dibangunkan serta perlu melalui satu proses penilaian bagi mengurangkan ralat kesilapan atau masalah berlaku. Pada peringkat ini juga penilaian melibatkan beberapa aspek dan ianya dijalankan sepanjang pembangunan aplikasi tersebut, bukannya setelah aplikasi ini siap dibangunkan sepenuhnya. Antara ciri penilaian seperti ini akan cuba diterapkan oleh pembangun perisian dalam menilai kebolegunaan laman web sebelum ianya disebarkan dan disertakan juga dengan penilaian secara tidak formal melalui sesi forum atau perbincangan yang boleh dilaksanakan secara berterusan dari semasa ke semasa.

2.2.4 SIKAP DAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN APLIKAS WEB 2.0 DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Menurut kajian Zamri dan Nur Aisyah (2011), perisian multimedia membantu memudahkan kaedah pengajaran guru daripada strategi berpusatkan guru kepada strategi berpusatkan pelajar. Hal ini membolehkan pelajar mendapatkan segala maklumat pembelajaran tanpa terikat dengan sesi P&P yang panjang di dalam bilik darjah di tambah pula sewaktu Negara menghadapi wabak Covid-19 kini. Selain itu, berlaku kesukaran untuk menghasilkan bahan bantuan mengajar dan telah menjadi beban tanggungjawab serta kerja yang bertambah menjadi kekangan dalam proses penyediaannya. Bahan bantuan untuk mengajar yang dibeli pula memerlukan modal dan sumber kewangan yang besar (Zamri, 2014). Oleh itu, kesukaran ini boleh diatasi dengan kewujudan aplikasi Web 2.0. Penghasilan aplikasi Web 2.0 merupakan satu bentuk transformasi daripada web berbentuk statik kepada web yang lebih dinamik serta fleksibel menurut kajian Mohamed Amin (2013).

Namun demikian, tidak banyak kajian yang dijalankan untuk melihat sikap dan persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi Web 2.0 dalam kalangan pelajar tentang pengajaran serta pembelajaran di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat penerimaan pelajar terhadap aplikasi Web 2.0 sebagai usaha memperkembangkan aplikasi Web 2.0 untuk menyokong pembelajaran abad ke-21 dalam proses P & P bahan pembelajaran di politeknik. Aplikasi Web 2.0 dilihat sebagai kaedah alternatif kepada kaedah pengajaran sedia ada kerana sampel kajian yang merupakan generasi Z atau *Net Gen* yang sering menggunakan pelbagai telefon pintar atau gadget pada umumnya menunjukkan mereka mahir menggunakan aplikasi

Web 2.0 untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap kemahiran dalam pembelajaran mereka. Seterusnya, kebanyakan waktu yang diluangkan oleh golongan muda Malaysia adalah di internet dan media sosial selama satu jam hingga tiga jam sehari menurut Shanti Balraj Baboo (2013) mempengaruhi sikap mereka bahawa aplikasi Web 2.0 merupakan bahan bantuan mengajar yang canggih dan terkini serta boleh diperluaskan kepada pembelajaran masa kini.

2.3 MASALAH REKA BENTUK SEDIA ADA

Penambahbaikan kepada aplikasi ini iaitu SPMP adalah untuk menyelesaikan beberapa masalah dan kekangan yang dihadapi oleh sistem sedia ada. Diantara beberapa masalah yang dihadapi oleh sistem sedia ada adalah seperti berikut:

- a) Tidak menarik dan susun atur yang mendatar

Sistem sedia ada atau SPMP ini tidak mampu untuk menarik minat pelajar untuk menjadikannya sebagai tempat rujukan pembelajaran. Hal ini amat merugikan mereka terdapat banyak nota serta video pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah. Mereka hanya menggunakan maklumat dari sumber internet sahaja.

- b) Kurang kreatif pada reka bentuk

Melalui reka bentuk yang sedia ada, didapati reka bentuknya seperti tidak kreatif dan efektif. Pemilihan warna latar dan pada fail yang disediakan tidak harmoni yang menyebabkan pelajar kurang menggunakannya. Semua sedia maklum remaja kini lebih tertarik untuk menggunakan sistem yang menarik dari segi semua aspek

- c) Pembazirkan ruang

Susun atur yang mendatar telah menyebabkan banyak ruang yang kosong dan tidak digunakan sebaik mungkin. Untuk website induk seperti SPMP ini sepatutnya disusun dengan kemas dan menarik ditambah dengan informasi terkini dan pembelajaran. Hal ini membuatkan pembaziran ruang banyak berlaku dan menyebabkan pelajar tidak berminat untuk mengaksesnya..

2.4 PENILAIAN PENYELESAIAN SEDIA ADA

Pada zaman teknologi yang berkembang pesat masih banyak institusi pendidikan yang tidak menitikberatkan terhadap reka bentuk website mereka. Bagi mereka, reka bentuk pada website utama institusi itu tidak penting kerana hanya untuk urusan maklumat sahaja yang membawa kepada masalah dan kesan yang serius. Kesan -kesan tersebut adalah

- a) Pengurangan masa penggunaan

Apabila reka bentuk sesuatu website tidak menarik, maka berlaku pengurangan masa penggunaannya. Ini akan mengakibatkan website tidak aktif dan menjadi satu kerugian buat para pelajar dan pensyarah. Hal ini demikian kerana, website yang dipenuhi pelbagai maklumat dicipta seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin. Bagi mengelakkan masalah ini terus berlaku, para pekerja perlu meluangkan masa yang lebih untuk mencari idea baru untuk

membangunkan reka bentuk website yang menarik. Hal ini menyebabkan para pekerja tidak dapat menyiapkan kerja, urusan lain turut akan tergendala.

b) Reka bentuk kurang menarik

Dalam sistem sedia ada iaitu reka bentuk website didapati sangat tidak memuaskan. Hal ini akan menyebabkan website yang penuh dengan maklumat berguna dan penting tidak menjadi perhatian pelajar. Sekiranya ini terjadi akan menyebabkan pelajar belajar menggunakan maklumat yang tidak sah atau sumber internet sahaja. Ini akan mengakibatkan mutu pendidikan atau ilmu yang diperoleh tidak sempurna.

c) Maklumat yang sedia ada tidak digunakan

Segala maklumat yang telah disediakan oleh pihak pengurusan termasuk pensyarah akan menjadi sia-sia sekiranya pelajar tidak menggunakannya. Hal ini sangat membimbangkan kerana pelajar sepatutnya menggunakan website utama mereka untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian lepas mendapati bahawa penerimaan pelajar terhadap reka bentuk sesuatu website telah memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pelajar untuk menggunakan medium itu dalam urusan pembelajaran dan pengurusan maklumat mereka. Reka bentuk sesuatu website yang interaktif merupakan daya tarikan yang berkesan untuk menarik pelajar menggunakannya dalam pembelajaran mahu pun urusan maklumat. Bab ini memberikan gambaran mengenai projek cadangan yang akan dijalankan kelak seperti mengkaji penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP dan membuat penambahbaikan kepadanya.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan secara keseluruhan berkaitan metodologi kajian yang akan digunapakai oleh pengkaji bagi melaksanakan kajian ini. Bab ini juga merangkumi pendekatan kajian, rekabentuk kajian, pengumpulan data, persembelan, instrument kajian, analisis data dan akhirnya kesimpulan. Menurut Siti Sarah (2015), metodologi kajian adalah kaedah dan teknik merekabentuk, mengumpul dan menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi juga boleh menerangkan dengan jelas tentang cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan juga teknik tertentu boleh diguna. Bab ini akan menyentuh berkaitan kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji berkaitan cara memperoleh maklumat yang diperlukan dalam kajian ini iaitu penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) di Kota Bharu.

Dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai kajian yang dijalankan terhadap pelajar politeknik Kota Bharu iaitu dari segi cara atau kaedah kajian, data-data yang diperolehi dan analisis untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan jelas. Antara perkara yang disentuh dan dititikberatkan dalam bab ini ialah sampel kajian, pengumpulan data, analisis dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perancangan penyelidikan yang telah dilaksanakan.

Bab ini juga akan menerangkan mengenai kaedah kajian yang akan diguna pakai oleh pengkaji untuk mengumpul maklumat sebanyak yang boleh iaitu dengan pendekatan kualitatif yang mana melibatkan penggunaan data primer dan sekunder.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, pendekatan yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ialah pendekatan kajian kes. Kajian ini adalah rekabentuk dan memilih kajian dianggap sesuai digunakan oleh para penyelidik. Melalui pendekatan kajian kes ini pengkaji mampu memperoleh maklumat yang sangat tepat dan jelas daripada responden, hasil dapatan melalui pendekatan seperti ini juga adalah penuh dengan maklumat yang sangat diperlukan, penuh serta mendalam bagi menjawab persoalan kajian.

Seterusnya, melalui pendekatan kajian kes ini juga terdapat dua jenis iaitu pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif. Menurut Rohana Yusof (2003:146) pendekatan kuantitatif adalah satu usaha bagi membentuk peraturan dan prinsip umum yang mengandaikan realiti sosial sebagai objektif dan terpisah atau tidak berkaitan dengan individu. Manakala, pendekatan kualitatif lebih menekankan dari sudut 33

Selain itu, Menurut Rohana yusof (2003:181) kepentingan pengalaman subjektif individu juga perlu dianalisis dengan mendalam secara kualitatif dan realiti sosial iaitu mempunyai makna tertentu yang bersifat subjektif dan personal. Pengkaji dapat simpulkan bahawa kajian ini lebih kepada pendekatan bagi pendekatan kajian kualitatif.

Antara kuantitatif dan kualitatif merupakan dua pendekatan dalam kaedah penyelidikan yang berbeza atau bertentangan antara satu sama lain. Perbezaan atau pertentangan ini tidak akan menghalang pengkaji menggunakan kedua-dua pendekatan tersebut dalam masa yang sama, yang lebih dikenali dengan kaedah campuran.

Kajian kes ini akan digunakan adalah bertujuan untuk membantu pengkaji melihat dengan lebih jelas gambaran sebenar bagaimana keupayaan kehidupan mempengaruhi sesuatu keputusan dan ianya juga berupaya menyokong kajian lebih terperinci untuk setiap kes.


3.2 REKABENTUK PENYELIDIKAN

Menurut (Kerlinger, 1973:300) berpendapat bahawa reka bentuk kajian berfungsi untuk dijadikan sebagai panduan dalam suatu pengkajian bagi mencari maklumat atau jawapan yang terjawab bagi menjawab semua persoalan kajian. Reka bentuk kajian ini direka bagi membangun dan menambahbaik reka bentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar).

Di samping itu, rekabentuk adalah kajian yang berfungsi sebagai garis panduan dalam membantu pengkaji dalam proses mengumpul, menganalisis dan menjalankan pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Rekabentuk kajian ini juga telah menjadi model bagi memudahkan pengkaji membuat rujukan berkaitan pemboleh ubah yang telah dikaji.

Reka bentuk kajian adalah panduan yang digunakan untuk mencapai sesuatu objektif kajian yang ditetapkan iaitu dengan membuat keputusan atau dalam sesuatu penyelidikan. Reka bentuk kajian ini juga berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek dengan melibatkan pelbagai elemen lain seperti tujuan, teori, persoalan kajian, metod atau persampelan yang telah diperoleh atau dikumpul.

Antara komponen yang terdapat dalam reka bentuk kajian ini ialah pembangunan kerangka yang mana akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab ini. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan reka bentuk kualitatif dimana dengan melibatkan kaedah soal selidik, temubual dan kajian perpustakaan. Kajian lepas turut digunakan bagi mengetahui apakah kekurangan yang terdapat dalam kajian terdahulu disamping menjadikan panduan bagi kajian pengkaji. Menurut Creswell (2009), reka bentuk kajian merupakan rancangan atau cadangan dalam menjalankan kajian khususnya yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, metod penyelidikan dan metod kajian. Contohnya terdapat dua reka bentuk kajian yang boleh digunakan iaitu kualitatif dan kuantitatif. Bagi pengkaji, pendekatan kualitatif ini dapat memberikan lebih banyak maklumat yang tepat dan jelas serta dapat memenuhi persoalan kajian yang telah dibuat.



RAJAH 6: REKA BENTUK KAJIAN

Maklumat kajian ini diperolehi daripada sumber yang dipercayai atau diyakini iaitu sekunder berdasarkan daripada kajian perpustakaan dan kajian menggunakan internet yang meliputi buku akademik, jurnal atau kajian lepas, artikel majalah, laman sesawang seperti google scholar yang memberikan banyak maklumat penting daripada kajian terdahulu mengenai penerimaan pelajar terhadap reka bentuk website di politeknik Kota Bharu.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temubual dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat secara langsung dan jelas iaitu sumber dari pihak politeknik itu sendiri. Segala maklumat ini telah membantu pengkaji untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai permasalahan kajian dan mengenai unit Pembangunan Intruksioal Dan Multimedia. Soalan tembual telah dibuat terlebih dahulu oleh pengkaji sebelum digunakan bagi memastikan soalan temubual tersebut relevan atau berkaitan dengan objektif kajian atau persoalan kajian yang ingin dicapai. Teknik temubual berpotensi untuk menghasilkan bahan yang kaya dan menyerlah (Robson, 2011). Penggunaan pelbagai contoh soalan yang diambil daripada jurnal

atau artikel turut digunakan oleh pengkaji bagi memastikan soalan yang ingin dikemukakan tidak bertentangan dengan objektif kajian. Kaedah ini dijalankan dengan menggunakan cara temubual yang ditetapkan seperti mempunyai elemen tajuk, soalan-soalan utama dan sub soalan yang akan disoal, ruang catatan dan nota reflektif.

Seterusnya, instrument yang telah digunakan semasa temubual adalah menggunakan laptop dan ipad dengan tujuan untuk merekod perbualan serta maklumat yang diberikan oleh responden. Buku nota juga turut digunakan oleh pengkaji untuk mencatat maklumat semasa sesi temu bual bersama responden tersebut. Segala nota yang dicatat juga digunakan sebagai sumber rujukan.

Disamping itu, setelah membuat kajian perpustakaan, kajian internet, kaedah temubual, serta borang soal selidik dilakukan barulah proses analisis data bermula. Proses menganalisis data amat penting dan perlu dilakukan secara teratur supaya data yang diperolehi itu tepat dan bersesuaian dengan objektif kajian. Data yang berjaya dikumpul berkaitan dengan penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP. Proses menganalisa segala data merupakan proses meringkaskan serta merumus data yang terkumpul dengan lebih tepat dan mempunyai sumber yang lebih diyakini. Melalui proses ini juga pengkaji akan dapat mengenalpasti semua maklumat yang tidak diketahui oleh pengkaji sebelum ini. Semua data yang telah dikumpulkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif akan diklasifikasikan mengikut objektif yang telah dibuat.

Akhir sekali, setelah semua proses pengumpulan maklumat selesai maka proses yang seterusnya iaitu proses penulisan akan bermula yang mana merangkumi tajuk kajian sama ada dapat dipenuhi ataupun tidak. Melalui kajian ini juga pengkaji telah menemui kesimpulan iaitu dapat dilihat melalui keputusan yang diperolehi dan mampu menjawab objektif yang dibuat oleh pengkaji. Melalui kajian, pengkaji akan memperoleh banyak maklumat khususnya daripada responden iaitu pelajar politeknik Kota Bharu itu sendiri yang mempunyai maklumat tentang penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP.

3.2.1 KAEDAH KUALITATIF

Pengkaji menjalankan kajian ini menggunakan kaedah atau pendekatan kualitatif. Pendekatan ini akan memberikan maklumat yang jelas dan lebih tepat mengenai penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP. Kaedah menggunakan banyak sumber yang boleh dipercayai seperti pengumpulan data dan temubual, jurnal dan artikel yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Menurut Denzin dan Lincoln (1994), kualitatif mengandungi banyak kaedah yang mempunyai kaedah berfokus dan penyelidikan secara semulajadi bagi mengkaji sesuatu perkara.

3.2.2 KAEDAH KUANTITATIF

Menurut (Azwita Usman, 2010) data kuantitatif boleh diukur iaitu melalui proses pengukuran dan memerlukan alat-alat pengukuran iaitu melalui soal selidik dan ujian. Kaedah kuantitatif merupakan kaedah yang telah menggunakan maklumat atau data yang bersifat kuantitatif.

3.2.3 KAEDAH CAMPURAN

Menurut Creswell dan Plano Clark (2007), kajian campuran adalah merupakan satu prosedur pengumpulan data, analisis dan juga merupakan gabungan antara kajian kualitatif dan juga kajian kuantitatif dan metodologi dalam satu kajian bagi memahami dan juga menjawab persoalan kajian. Kaedah campuran ini merupakan kaedah yang akan mengabungkan kedua-dua data kuantitatif dan juga data kualitatif.

3.2.4 KAEDAH PILIHAN REKA BENTUK KAJIAN

Kaedah kajian yang akan digunakan oleh pengkaji untuk kajian ini adalah daripada ketiga-tiga kaedah kajian yang telah diterangkan iaitu kaedah campuran. Pengkaji memilih kaedah ini adalah kerana kajian ini dilihat lebih sesuai dengan tajuk kajian iaitu penerimaan pelajar terhadap reka bentuk dan menambahbaik SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik). Kaedah ini juga merupakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang membolehkan pengkaji memperoleh hasil kajian lebih tepat dan jelas. Selain itu, kaedah kuantitatif yang digunakan adalah memudahkan pengkaji melakukan soal selidik terhadap responden untuk melihat penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP. Seterusnya, kaedah kualitatif pula digunakan adalah temu bual dan analisis data. Temu bual digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang sesuai bagi penambahbaikan reka bentuk SPMP. Akhir sekali, kaedah analisis data pula juga digunakan bagi menganalisa imej, video serta audio yang efektif di dalam trend kini supaya dapat menghasilkan reka bentuk website yang menarik.

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Menurut (Diyana, 2015) pengumpulan data merupakan satu proses di mana dan bagaimana sesebuah data itu dikumpul, membuat pemerhatian terhadap sesuatu yang sedang berlaku, merekod, memilih, mengumpul, mengasing data dan memahami bila ia akan digunakan. Kaedah ini juga merupakan aspek paling penting dalam melaksanakan kajian kerana ianya adalah strategi atau yang telah digunakan oleh semua pengkaji. Pengumpulan data ini terbahagi pada dua iaitu data primer dan juga data sekunder.

3.3.1 DATA PRIMER

Data primer boleh diistilah sebagai data utama yang diperolehi oleh pengkaji sewaktu menjalankan kajian atau kerja lapangan. Responden yang dipilih merupakan sumber data yang berkaitan dengan persepsi, kebiasaan, perasaan dan sikap. Sesuai dengan reka bentuk kajian yang dijalankan ini iaitu berbentuk kualitatif maka tiada had mengenai jumlah responden yang dipilih oleh pengkaji. Data primer ini akan dikumpulkan oleh pengkaji bagi menguji hipotesis yang telah dibuat dalam kajian. Untuk mendapatkan data primer pengkaji menggunakan pelbagai cara antaranya adalah melalui kaedah boring soal selidik untuk mengetahui latarbelakang atau memahami situasi dengan lebih mendalam. Menurut Rohana Yusof (2004) data primer berasal daripada sumber asli atau edisi yang asal.

Sewaktu proses bagi mendapatkan data-data tersebut dijalankan pengkaji juga telah menggunakan pelbagai kaedah lain untuk mendapat atau mengumpulkan maklumat dengan lebih tepat dan jelas. Antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah temu bual dan kaedah soal selidik khususnya melibatkan responden di kawasan kajian lapangan iaitu pelajar politeknik Kota Bharu.

1. Soal Selidik

Teknik pengumpulan data dari soal selidik ini dilakukan terhadap responden adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas berkenaan persoalan kajian yang diberikan. Pengkaji juga telah menyediakan boring soal selidik yang bersesuaian bagi mendapatkan dan mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat yang berkaitan Berdasarkan objektif kajian pengkaji, borang soal selidik ini telah diedarkan secara rawak kepada responden secara dalam talian iaitu google form

2. Temu Bual

Selain itu, teknik pengumpulan data dari sumber temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang akan melibatkan interaksi bersemuka antara pengkaji dan responden. Satu sesi temu bual dijalankan pengkaji serta soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian akan ditanya kepada responden dan jawapan responden perlu dibalas secara spontan, dengan cara ini pengkaji akan memperolehi maklumat secara lebih terperinci

3. Analisis Data

Seterusnya, teknik analisis data merupakan kaedah yang mana boleh digunakan sebagai keadah utama dalam kajian dengan menggunakan bahan bercetak dan bahan elektronik. Pengkaji boleh lihat bahan bercetak seperti Buku teks, Biografi dan juga Jurnal. Manakala untuk bahan elektronik pula seperti buku digital, emel, internet dan lain-lain.

3.3.2 DATA SEKUNDER

Data sekunder pula merupakan data yang berjaya dikumpulkan oleh pengkaji lain. Pada awalnya data ini dikumpulkan bagi tujuan lain namun ianya bersesuaian digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji. Seterusnya, bagi mendapatkan data sekunder ini pengkaji telah menggunakan kaedah rujukan iaitu kaedah untuk mendapatkan keterangan atau maklumat lanjut mengenai topik kajian melalui sumber lain yang bertulis seperti buku, majalah, akhbar serta sumber daripada internet.

Hal ini kerana, semua data ini lebih mudah untuk diperolehi pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang berguna serta penting dan dapat menjimatkan masa bagi memastikan kajian ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Matlamat pengkaji menggunakan pelbagai jenis data sekunder seperti ini ialah untuk menjelaskan konsep dan elemen yang dikaji berkenaan dengan penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP. Sebagai contoh data sekunder adalah seperti jurnal atau kajian lepas, artikel dan ebook dari pengkaji lain yang berkaitan dengan topik kajian yang sedang pengkaji jalankan.

Selain itu, melalui semua sumber bertulis ini pengkaji dapat mengetahui dan memahami segala teori yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan lebih tepat. Menurut Sabitha Marican (2005), data sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain seperti maklumat daripada perpustakaan, buku dan juga laman sesawang.

1. Buku

Buku adalah kaedah yang merujuk kepada buku ilmiah yang mengandungi maklumat tambahan bagi memenuhi maklumat yang diperlukan pengkaji seperti dengan merujuk kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

2. Internet

Internet merupakan kaedah tambahan dalam data sekunder dengan cara melayari laman web rasmi dan tidak rasmi. Pada kebiasaannya pengkaji sering melayari laman laman web bagi mencari lokasi kajian dan bagi mendapatkan peta lokasi kajian.

3. Kajian Perpustakaan

Kaedah perpustakaan merupakan kaedah dengan mendapatkan maklumat yang diperlukan dan tidak diperoleh daripada kajian lapangan Yang dijalankan akan diperoleh dari perpustakaan.

3.3.3 KAJIAN RINTIS

Pada bahagian ini, pengkaji telah melaksanakan satu kajian rintis atau mini iaitu percubaan untuk mengetahui kelemahan yang terdapat pada instrumen kajian sebelum ianya dimulakan. Menurut Fraenkel dan Wallen (1996), telah menyatakan kajian rintis ialah cubaan kajian yang dibuat secara kecilan dengan tujuan mengenal pasti kelemahan instrumen kajian dan tatacara kajian. Kajian ini sememangnya penting untuk memastikan tiada kesalahan atau kelemahan pada instrument yang akan digunakan nanti.

Pengkaji telah menggunakan instrumen seperti kaedah soal selidik dan temu bual untuk menjalankan kajian ini kerana ianya telah terbukti kebolehgunaan serta keberkesanannya dalam mengumpul data. Kaedah soal selidik berjaya membantu pengkaji mendapatkan data atau maklumat daripada pelajar melalui edaran online sahaja dan soalnya telah dibangun oleh pengkaji sendiri dengan ringkas serta padat tentang penerimaan mereka terhadap reka bentuk SPMP.

Seterusnya pengkaji telah memilih untuk menggunakan instrumen atau kaedah temu bual dalam menjalankan kajian tentang penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP di Politeknik Kota Bharu. Bagi kaedah ini pula pengkaji telah menyediakan beberapa soalan tentang SPMP kepada responden seperti staf dan pensyarah untuk mengetahui kekurangannya yang boleh ditambah baik. Untuk menemubual responden ini, pengkaji perlu menyediakan protokol temu bual agar sesi itu berjalan dengan lancar dan formal. Hal ini demikian kerana, sesi ini melibatkan individu yang bekerja dalam sektor formal yang memerlukan pengkaji menemubualnya dengan protokol formal bukan seperti menemubual biasa.

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Instrument kajian merupakan komponen penting dalam menjalankan sesuatu kajian. Oleh itu, pemilihan instrument amat penting bagi pengkaji sewaktu melakukan kajian. Pada peringkat ini, pengkaji telah menggunakan sampel kajian terhadap pelajar politeknik dan beberapa orang pensyarah di Kota Bharu. Responden atau pelajar politeknik dipilih mengikut semester mereka manakala temu bual pula dilakukan terhadap pensyarah secara panggilan video. Dalam kajian ini penulis telah memilih beberapa instrument dalam mengumpul data tersebut yang dilihat berkesan untuk digunakan, antaranya ialah:

Kaedah	Intrumen
Kuantitatif	Borang Soal Selidik
Kualitatif	Temu Bual dan Analisis Data

RAJAH 7: JADUAL KAEDAH INSTRUMEN KAJIAN

Kedua instrumen ini akan dibina dan melalui beberapa fasa percubaan dahulu sebelum diedarkan kepada responden. Soalan soal selidik yang dibina harus ditunjuk kepada pensyarah dahulu untuk pemeriksaan sesuai digunakan atau tidak kepada pelajar politeknik iaitu responden dalam kajian ini. Manakala untuk temu bual pula pengkaji akan menemu bual pensyarah politeknik untuk mendapat kan beberapa maklumat penting. Oleh itu, soalan temu bual perlu dibina dengan sebaik mungkin menggunakan protokol temu bual kerana sesi tersebut harus formal dan teratur.

3.4.1 SOAL SELIDIK

Instrumen soal selidik ialah alat pengukur yang popular dalam kajian tinjauan. Menurut (R.kuberan et al,2013), borang soal selidik ini dibina mengikut prinsip KISS (keep it short and simple) iaitu mengemukakan soalan yang mudah difahami dan ringkas. Instrument ini dianggap sesuai dalam bidang pendidikan bagi tujuan pengumpulan data. Borang soal selidik ini megandungi 2 bahagian iaitu bahagian A (demografi responden) dan bahagian B yang berdasarkan elemen persoalan Technology Accaptence Model (TAM) dengan menggunakan skala Likert 5 aras.

Intrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat serta data daripada sejumlah responden. Soal selidik ini terdiri daripada rangkaian soalan mengenai sesuatu perkara atau topic kajian yang dilakukan. Soal selidik ini merupakan alat pengukur yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat atau data berkenaan fakta-fakta, perasaan kehendak dan lain-lain lagi. Penggunaan soal selidik juga dilihat lebih praktikal dan mudah untuk disebarkan. Soal selidik juga bermaksud sesuatu daftar atau pertanyaan untuk memperolehi data yang merupakan jawapan daripada para responden (Selo Soemardjan,1985). Semua soalan yang disediakan oleh pengkaji merangkumi subjeknya dengan menyenaraikan soalan-soalan yang ringkas dan mudah untuk difahami oleh responden.

Kajian yang dijalankan akan menggunakan soalan soal selidik sebagai instrumen utama bagi menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP. Soalan kajian telah dibahagi kepada dua bahagian iaitu kepada :

1. Pelajar yang sering menggunakan SPMP dalam urusan maklumat dan pembelajaran.
2. Pensyarah yang menyediakan segala maklumat pembelajaran kepada pelajar di dalam SPMP.

Soalan soal selidik dibina oleh pengkaji untuk meninjau tahap penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) di Kota Bharu. Setiap soalan yang dibangunkan pengkaji berdasarkan elemen Technology Acceptance Model (TAM) dan antara elemen yang dikenalpasti di dalam soalan tersebut iaitu seperti tahap kebolegunaan sistem, tahap mudah/senang untuk menggunakan sistem, sikap pengguna terhadap penggunaan sistem, Tingkah-laku pengguna untuk memberi perhatian dalam menggunakan sistem serta penggunaan sebenar sistem. Semua soalan tersebut megandungi 3 soalan untuk bahagian A, manakala 15 soalan untuk bahagian B. Untuk skala likert responden hanya perlu menyatakan darjat persetujuan mereka dengan menandakan number pilihan mereka berdasarkan arahan yang telah diberikan pengkaji sebelum mula menjawab soal selidik tersebut. Penggunaan skala likert ini sebenarnya memudahkan responden memberi respons mereka kerana mereka tidak perlu memikirkan jawapan kepada persoalan yang ditanyakan dan hanya bersetuju dengan pernyataan yang telah direka oleh pengkaji. Soal selidik ini memudahkan pengkaji mengkodkan data serta mudah untuk dianalisis data tersebut.

Selain itu, untuk memastikan soalan selidik tersebut lebih tepat dan jelas , soalan selidik tersebut telah diserahkan oleh pengkaji terlebih dahulu bagi tujuan semakkan penyelia projek penyelidikan. Hasil daripada semakan tersebut barulah pengkaji dapat membuat penambahbaikan dan pembetulan.

Setelah maklumat dikumpulkan dan segala data berjaya diperolehi daripada soalan soal selidik yang dijalankan ini, maka data tersebut akan mula diproses dan dianalisa dengan mendalam untuk mengenerelasisakannya. Selepas itu, pengkaji akan memasukkan data ini ke dalam kajian sebagai dapatan kajian.

3.4.2 TEMU BUAL


Kaedah temu bual merupakan kaedah dimana pengkaji telah menemubual responden yang mempunyai pengetahuan yang lebih dekat mengenai topik kajian yang dilakukan. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengetahui secara terperinci dan jelas mengenai topik kajian. Kaedah temu bual juga dapat menghasilkan gambarann yang lebih jelas tentang sesuatu situasi dan dapat dirumuskan oleh pengkaji mengenai data serta maklumat yang diperolehi dengan lebih tepat. Menurut Taylor dan Bogdan (1984) temu bual mendalam merupakan muka berulang antara pengkaji dengan subjek kajian, rangka memahami pandangan subjek pengkajian mengenai kehidupannya, pengalamannya ataupun situasi sosial seperti mana yang diuraikan dalam bahasa meraka yang tersendiri. Situasi temu bual ini juga akan mempengaruhi tahap keumuman informasi yang diperolehi daripada responden yang dipilih. Apabila satu temu bual

dilakukan secara formal, maka semakin tinggi tahap keumuman informasi yang berjaya diperolehi.

Untuk kajian ini pula pengkaji akan memperoleh maklumat dengan menggunakan kaedah temu bual. Tujuan temu bual ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat yang jelas serta berinformatif untuk mengetahui tentang reka bentuk SPMP. Instrumen temubual ini mempunyai 2 peringkat iaitu secara formal dan tidak formal. Kaedah temubual ini boleh digunakan secara bersemuka, tidak bersemuka dan bantuan komputer. Kaedah yang pengkaji gunakan adalah secara tidak formal iaitu temu bual dengan bantuan komputer. Temu bual diadakan dengan pensyarah politeknik Kota Bharu dan pelajar institut pengajian tersebut. Sampel temu bual terdiri daripada pensyarah politeknik, dan beberapa orang pelajar iaitu responden dalam kajian ini

Selain itu, pengkaji juga telah mengajukan soalan yang penting dengan jelas dan tepat. Pengkaji telah membangunkan beberapa persoalan bagi menjawab objektif kajian yang dijalankan ini. Sewaktu temu bual ini berlangsung pengkaji telah menyentuh perkara-perkara seperti bagaimana maklumat yang sesuai untuk mengetahui tentang reka bentuk SPMP yang sedia ada. Pengkaji juga telah bertanya soalan bagaimana untuk menarik minat pelajar agar lebih kerap mengakses SPMP, reka bentuk menarik yang boleh digunakan untuk penambahbaikan. Pengkaji menjalankan sesi temubual dengan keadaan selesa dan harmoni.

pelaksanaan kajian dalam proses menghasilkan produk akhir.



RAJAH 8: ALIRAN TEMU BUAL

3.4.2.1 PROTOKOL TEMU BUAL

Kaedah temu bual memerlukan protokol atau tatacara yang betul sewaktu hendak menebual seseorang supaya temu bual yang dijalankan terarah dan tidak keluar daripada permasalahan kajian. Oleh itu, sebelum pengkaji melakukan temu bual untuk pengumpulan data, penyediaan protokol temu bual perlu dilakukan terlebih dahulu. Protokol temu bual yang telah siap dibina oleh pengkaji tersebut akan diberikan kepada beberapa orang pakar seperti pensyarah untuk menyemaknya terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana, untuk mendapatkan komen dari mereka tentang protokol tersebut sama ada sesuai atau tidak. Setelah mendapat pandangan mereka terhadap protokol yang dibina itu, pengkaji dapat memperbaiki semula mengikut kesesuaian komen yang telah diberikan.

Bagi memastikan protokol itu dapat digunakan dengan berkesan dalam pengumpulan data sebenar, pengkaji telah melakukan percubaan terlebih dahulu terhadap beberapa orang subjek seperti melakukan temu bual kepada mereka menggunakan protokol temu bual yang dibina. Sesi percubaan ini akan membantu pengkaji mengetahui sama ada soalan yang digunakan dalam protokol tersebut sesuai atau tidak dan boleh difahami dengan baik oleh subjek. Sekiranya sesi percubaan itu berlaku masalah seperti subjek kurang faham beberapa soalan yang diberikan, maka pengkaji akan menyemak semula soalan dan mengambil tindakan susulan mengubah soalan tersebut menjadi lebih baik dan mudah difahami untuk digunakan sewaktu temu bual sebenar.

3.4.3 ANALISIS DOKUMEN

Instrument analisis dokumen utama yang pengkaji perolehi daripada bahan internet, gambar serta video untuk diletakkan di dalam SPMP. Kesemua maklumat yang berjaya dikumpul oleh pengkaji dan idea baru direka berdasarkan analisis data yang ada untuk menjadikan hasil produk pembagunan reka bentuk SPMP menjadi lebih menarik.

Seterusnya, antara ciri elemen yang akan dikenalpasti oleh pengkaji adalah berdasarkan elemen konsep asas multimedia iaitu imej , audio , video , animasi dan teks. Selain itu, teknik penayampaian visual juga dikenalpasti oleh pengkaji bagi memastikan hasil pembagunan reka bentuk menepati perancangan asal pengkaji.

3.4.3.1 DATA DIANALISIS

Pada bahagian ini, pengkaji perlu mendapatkan hasil dapatan kajian setelah semuanya selesai dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang lengkap. Maklumat lengkap yang dimaksudkan ialah seperti jumlah bilangan dan peratusan yang diperolehi dari hasil soal selidik terhadap responden. Borang soal selidik akan diedarkan kepada pelajar politeknik Kota Bharu untuk tempoh tertentu untuk mendapat data dan akan dianalisis. Melalui soal selidik ini pengkaji dapat menyediakan demografi responden mengikut beberapa bahagian seperti berikut:

1. Taburan Responden Berdasarkan Jantina
2. Taburan Responden Berdasarkan Semester
3. Taburan Responden Berdasarkan Bangsa
4. Reaksi dan Penerimaan Pelajar Terhadap Reka Bentuk SPMP

Melalui demografi tersebut pula, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih tepat bilangan serta peratusan bagi jawapan yang diberikan responden untuk setiap soalan. Soalan yang disediakan adalah berbentuk pertanyaan ya atau tidak akan digunakan. Oleh itu, jumlah dan peratusan yang diperolehi ini akan dianalisis oleh pengkaji untuk mendapatkan data yang lengkap dan tepat. Data dianalisis ini sangat penting untuk pengkaji mengetahui dengan lebih lanjut tentang penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP di Politeknik Kota Bharu sama ada baik atau sebaliknya. Analisis data ini juga akan digunakan dalam melakukan penambahbaikan kepada Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) di Politeknik Kota Bharu nanti.

3.5 PERSAMPELAN

Menurut Mohd.Majid Konting (1998), persampelan adalah sampel yang akan dipilih sekurang-kurangnya memiliki sifat yang sama dengan populasi di dalam sesebuah penyelidikan.

Pada bahagian ini, responden dipilih oleh pengkaji terdiri daripada pelajar dan staf pentadbiran serta pensyarah di Politeknik Kota Bharu yang sering menggunakan SPMP. Responden yang terpilih juga terdiri daripada umur 19 tahun sehingga 50 tahun iaitu pelajar serta pensyarah. Bagi bilangan jantina dan bangsa adalah secara rawak dan tiada ketetapan ditetapkan. Para pelajar dipilih secara rawak melalui kelapangan masa mereka untuk menjawab soalan soal selidik sebagai sampel kajian yang disediakan oleh pengkaji. Pelajar yang dipilih untuk menjadi responden kebanyakan dari pelajar tahun kedua dan ketiga dan beberapa antara mereka adalah daripada tahun satu dan akhir manakala staf pula yang terdiri dari kakitangan pentadbiran dan pensyarah berkaitan multimedia di Politeknik Kota Bharu.

Menurut Connaway & Powell (2010), bilangan responden bukan menjadi isu dalam kajian kualitatif kerana tidak ada peraturan khusus mengenai penentu saiz sampel kajian. Sesuatu kajian boleh memilih untuk mengkaji set pengalaman yang khusus untuk bilangan yang ramai atau membuat kajian yang terbuka untuk bilangan yang sedikit berdasarkan batasan waktu dan sumber. Menurut Ahmad Naqiyuddin (2008) juga telah menjelaskan bahawa tujuan utama pengambilan sampel dalam penyelidikan kualitatif adalah untuk memahami proses sosial, bukan untuk mendapatkan sampel responden. Oleh itu, tidak perlu menentukan ukuran sampel responden, kerana tujuan penyelidikan kualitatif adalah untuk memahami dan bukannya membuat generalisasi. Setiap ciri pemilihan bagi menentukan sampel dan mengenal pasti responden adalah berdasarkan daripada persoalan kajian. Kajian ini memilih bilangan responden yang sederhana jumlahnya tetapi dijangka dapat memberikan maklumat yang terperinci dan lebih tepat serta jelas.

3.6 ANALISIS DATA

Menurut Taylor (1975), analisis data ialah proses yang menerangkan secara formal untuk menemukan tema dan merumuskan hipotesis seperti yang disarankan dan juga sebagai usaha untuk memberikan bantuan dan tema pada hipotesis. Analisis data adalah suatu kajian yang dijalankan bagi mengubah data hasil dari penelitian menjadi sebuah informasi baru yang dapat digunakan dalam membuat kesimpulan. Data yang diperoleh melalui pendekatan kualitatif akan diproses dan juga akan dianalisis bagi mendapatkan kesimpulan data.

3.7 KERANGKA PENYELIDIKAN

Kerangka penyelidikan bertujuan untuk melihat perkembangan gerak kerja pengkaji. Kerangka penyelidikan ini akan menjadikan kerja seseorang penyelidik berjalan lancar kerana susun atur masa yang dibuat selain dapat merancang perjalanan projek pada masa akan datang.

3.7.1 MODEL ASSURE

Pengkaji telah memilih untuk membuat ajian ini jmenggunakan Model Assure. Ianya diasaskan oleh Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino pada tahun 1996 yang bertujuan untuk merekabentuk pengajaran dengan penggunaan media secara sistematik. ASSURE diambil daripada perkataan assure yang bermaksud memastikan. Ini bertujuan untuk memastikan pembelajaran berlaku di dalam kelas. Menurut (Sivadasan, C. 2003). model Assure ini menumpukan kepada pembelajaran dan elemen yang wujud di dalam kelas seperti guru, pelajar dan kemudahan.

Selain itu, terdapat enam Langkah yang digunakan di dalam Model Assure iaitu Analyze Learners (Menganalisis Pelajar), yang bermaksud State Objectives (Menyatakan Objektif), Select Methods, Media Materials (Memilih Kaedah Media dan bahan), Utilize Media & Materials (Menggunakan Media dan Material), Require Learner Participation (Memerlukan Penglibatan Pelajar) Ketika berlangsungnya sesi pengajaran, Evaluate & Revide (Melakukan Penilaian dan Pengubahsuaian).

Selain itu, perkaitan dengan teori yang digunakan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan Model Assure bertujuan untuk membantu pengkaji dalam menghasilkan pembagunan reka bentuk SPMP yang akan dijalankan. Melalui cara ini pengkaji dapat menganalisis segala bentuk kajian yang dapat disesuaikan dalam kajian tersbut. Pengkaji juga dapat mencapai objektif yang ditetapkan dan pemilihan bahan untuk reka bentuk SPMP tersebut adalah menarik dan efektif. Pemilihan objektif ini bersesuaian untuk digunakan dengan model ini seperti berkaitan mengenalpasti trend terkini dalam membangunkan dan menambahbaik reka bentuk SPMP yang mampu untuk menarik pelajar lebih kerap mengaksesnya untuk tujuan pembelajaran mereka. Berdasarkan model ini pengkaji dapat menyediakan bahan-bahan media dalam elemen multimedia yang bersesuaian, serta menyediakan maklumat yang lebih teliti dalam pembagunan projek penambahbaikan reka bentuk SPMP.

Seterusnya, dapat disimpulkan bahawa dengan adanya model ini pengkaji mampu menjalankan setiap langkah dengan lebih tepat serta jelas dalam membagunkan dan menambahbaik reka bentuk SPMP. Pengkaji juga dapat memastikan hasilnya dinilai oleh pihak politeknik Kota Bharu yang bermanfaat dan pengkaji dapat melakukan penambahbaikan untuk penyediaan reka bentuk SPMP tersebut.

3.7.2 MODEL PENERIMAAN TEKNOLOGI

Pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian ini dengan menggunakan Theory Acceptance Model iaitu sebuah ilmu yang mengkaji penerimaan atau tingkah laku pengguna berkenaan teknologi baru. Hal ini demikian kerana, model ini banyak digunakan dalam kajian lepas dan mampu menyelesaikan isu penerimaan pengguna dalam teknologi seperti inovasi teknologi dan sebagainya. Menurut Heilesen dan Jensen (2007,p.65) model penerimaan teknologi (TAM) adalah model yang digunakan untuk menerangkan atau menjelaskan bagaimana tingkah laku seseorang semasa menggunakan teknologi.

Seterusnya, Heilesen dan Jensen (2007, hlm.65) telah menyatakan bahawa individu boleh memilih secara bebas untuk menggunakan teknologi. Tujuan utama TAM adalah untuk mewujudkan asas penjejakan Jurnal Pengurusan Pemasaran Vol. 1, No. 1, (2013) 1-133 adalah pengaruh faktor luaran terhadap kepercayaan, sikap keperibadian manusia, dan tujuan pengguna komputer, TAM meganggaap bahawa dua perkara berkaitan kepercayaan pembolehubah tingkah laku dalam menerapkan sistem maklumat iaitu persepsi pengguna terhadap kegunaan dan persepsi yang dirasakan pengguna mengenai penggunaan (pengguna merasakan manfaatnya apabila meggunakan sistem tertentu) dapat meningkatkan prestasi dan kemudahan penggunaan yang dirasakan ditakrifkan sebagai tahap seseorang percaya dengan menggunakan sistem ini tidak memerlukan usaha.

Selain itu, perkaitan yang dapat pengkaji kaitkan untuk kajian ini dengan Theory Accaptence model iaitu mengenalpasti faktor kekurangan akses dan menggunakan SPMP yang telah disediakan oleh unit multimedia politeknik.

Oleh itu, dengan menggunakan theory ini dapat membantu pengkaji mengukur bangaimanakah tingkah laku manusia dalam penerimaan SPMP secara analisisnya. Berdasarkan objektif yang dinyatakan model ini juga membantu pengkaji dalam mengkaji persepsi pegguna atau mencari faktor bagaimana teknologi SPMP dapat bertindak balas kepada pengguna dalam menerima teknologi tersebut. Malah ianya turut membantu dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pihak politeknik Kota Bharu.

3.7.3 TEORI DAN KONSEP KAJIAN

Pada bahagian ini pengkaji akan menjelaskan mengenai teori serta konsep kajian dan pengkaji akan mengaitkan dengan kajian yang dijalankan berdasarkan model serta teori yang sedia ada. Pada umumnya, kerangka teori lebih merujuk kepada teori, kerangka kerja, model yang telah dikaji semasa tinjauan literature terlebih dahulu. Kebiasanya seorang pengkaji akan mengembangkan kerangka konsepnya yang telah disandar pada beberapa kerangka teori yang telah dikaji. Kerangka teori pula akan menjadi penentu bagi persoalan kajian dan ianya akan

dijadikan panduan oleh pengkaji untuk menentukan orientasi penyelidikan yang akan dilakukan..

Kerangka teori ini sangat penting kepada pengkaji kerana ianya akan membentuk konsep, definisi, model dan teori yang menjadi asas disiplin bagi kajian, terma dan orientasi disiplin bagi kajian yang hendak dilaksanakan nanti. Selain itu, kerangka teori ini juga penting kerana akan membentuk “masalah” bagi kajian, persoalan kajian, pengumpulan data dan analisis serta bagaimana hendak mentafsir data. Hal ini demikian kerana, kerangka teori amat penting kepada pengkaji dan jika disalah tafsir teorinya akan menjadi tidak tepat yang memungkinkan kajian dilakukan pengkaji boleh gagal atau tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Selain itu, kerangka konsep pula merupakan satu bentuk kerangka konsep yang akan menjelaskan secara ringkas mengenai bentuk kajian, format kajian, hala tuju kajian dan peringkat atau fasa sepanjang kajian. Kerangka konsep juga boleh berasaskan teori yang sedia ada ataupun dibentuk sendiri berdasarkan kajian terdahulu. Menurut (Norwood, 2000:78) kerangka konsep ini lebih bersifat tentative dan belum dibangunkan secara sepenuhnya berbanding kerangka teori. Maksudnya, merujuk kepada sesuatu teori yang masih belum diuji.

Seterusnya, untuk kajian ini lebih tertumpu pembangunan produk multimedia. oleh itu dengan menggunakan teori dan konsep ini kerana asasnya teorikal tidak terlalu tepat dan konseptual akan digunakan dalam kajian ini bagi membangunkan projek multimedia pengkaji dengan menjadikan teori – teori yang ada untuk digunapakai oleh pengkaji seperti diibaratkan sebuah peta dalam kajian. kajian yang didahului oleh market survey iaitu pengkaji akan mencari permasalahan, objektif serta persoalan bagi kajian yang akan dikelaurkan, pengkaji juga melakukan kerangka kajian dan seterusnya dan pengkaji akan merujuk model Assure untuk melihat kesesuaian untuk diletakkan dalam projek tersebut. kemudiannya pengkaji akan mengapilksi model penerimaan teknologi bagi mengkaji kadar penerimaan serta tindak balas pengguna terhadap model tersebut dan kesemua fasa ini pengkaji telah tepati maka terhasil sebuah projek pembangunan produk yang sempurna serta menepati objektif.

3.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini telah menyentuh tentang metodologi dan kaedah yang digunakan untuk mengumpul segala data serta maklumat penting. Kajian ini juga dapat menerangkan secara terperinci mengenai metodologi yang digunakan oleh pengkaji sewaktu menjalankan kajian ini. Terdapat beberapa cara dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini seperti mengkaji segala maklumat atau data yang diperolehi, temuduga dengan professional dan beberapa responden yang terdiri dari pelajar politeknik Kota Bharu sendiri. Setiap data primer dan data sekunder berjaya diperolehi melalui kaedah tersebut.

BAB 4

HASIL DAPATAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan mengenai dapatan kajian iaitu data primer yang didapati daripada instrument edaran borang soal selidik kepada 70 orang responden dan temu bual bersama beberapa orang pelajar Politeknik Kota Bharu mengikut semester berkenaan sistem Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP). Keputusan yang diperolehi oleh pengkaji ini diinterpretasi daripada hasil pemprosesan data dari jawapan temu bual dan borang soal selidik, membahagikan, serta menfokuskan kepada hasil dapatan kajian daripada pendekatan kualitatif dan kuantitatif.

Analisis kajian bab ini terdiri daripada ujian kebolehpercayaan, ujian statistik deskriptif bagi menerangkan frekuensi, peratusan dan skor min demografi responden serta analisis ujian T, berdasarkan kumpulan demografi, ujian Korelasi Pearson dan ujian Regresi bagi menilai hubungan antara pemboleh ubah, menjawab persoalan kajian dan memenuhi kehendak objektif kajian yang telah ditetapkan. Menurut Ibrahim, 2013, data dibentangkan secara didalam bentuk carta pai untuk memudahkan penghuraian dengan lebih berkesan.

Dalam bab ini, pengkaji telah memperolehi pengolahan mengenai dapatan kajian hasil daripada data melalui kaedah soalan soal selidik, pemerhatian, dan temubual dijalankan. Data yang diperolehi oleh pengkaji ini melibatkan responden yang terlibat secara terus atau kerap mengakses ke SPMP. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah gabungan antara kualitatif dan kuantitatif yang mana bertujuan mendapatkan data-data yang lebih terperinci mengenai SPMP untuk mengikut objektif yang telah ditetapkan iaitu:

1. Mengkaji tentang cara – cara menambahbaik rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) untuk pelajar di Kota Bharu.
2. Memperkenalkan solusi terbaik kepada susun atur dalam SPMP (website) bagi memudahkan urusan pelajar politeknik Kota Bharu untuk mendapatkan sebarang maklumat.
3. Membantu pelajar politeknik Kota Bharu untuk lebih kerap dan mempraktikkan penggunaan SPMP (website) dalam mencari bahan sebagai rujukan pembelajaran.

4.1.1 ANALISIS TEMUBUAL RESPONDEN

Dalam bab ini juga, data-data yang diperoleh oleh pengkaji hasil daripada temu bual dengan responden yang sering menggunakan atau mengakses ke dalam SPMP iaitu pelajar itu sendiri. Kaedah temu bual yang digunakan merupakan kaedah pendekatan kualitatif yang mana kaedah ini bersifat fokus dan penyelidikan dilakukan secara semula jadi dalam mengkaji sesuatu perkara atau objektif.

Analisis yang dilakukan oleh pengkaji ini dikategorikan kepada dua bahagian iaitu untuk mengetahui penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP, dan mengenal pasti kekurangan atau penambah baikan yang di cadangkan oleh pelajar politeknik Kota Bharu ini. Melalui kaedah ini pengkaji dapat memperoleh data yang lebih jelas dan tepat hasil daripada jawapan yang telah diberikan oleh responden yang bertanggungjawab menggunakan SPMP dalam pengurusan maklumat mereka. Selain itu, terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data daripada kajian ini iaitu :

1) KAEDAH TEMUBUAL

Temu bual adalah kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan dapatan kajian ini. Hal ini kerana kaedah ini merupakan kaedah yang bersesuaian bagi memperoleh data yang lebih terperinci hasil daripada individu yang terlibat dengan penggunaan SPMP secara berterusan. Pada tahap ini, pengkaji telah melakukan temu bual dengan beberapa orang responden iaitu pelajar mengikut semester mereka dari semester 1 hingga 6. Menurut Robson (2011), teknik temu bual ini mempunyai potensi dalam menghasilkan kajian yang kaya dan menyerlah.

2) DOKUMENTASI

Pendokumentasian juga merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini hasil daripada temu bual bersama responden. Pendokumentasian bertujuan untuk mengukuhkan data yang diperoleh daripada responden dari awal hingga akhir proses temu bual tersebut. Hal ini kerana, setiap jawapan yang diperoleh daripada responden akan diteliti dan akan ditukarkan ke dalam bentuk transkrip bagi memastikan setiap jawapan yang direkodkan di dokumentasi dengan lebih baik dan jelas. Perkara ini membantu pengkaji untuk menganalisis jawapan dengan terperinci serta tepat.

3) DAPATAN KAJIAN

A. MENCADANGKAN SATU PAPARAN BAHARU TERHADAP REKA BENTUK SPMP.

Unit Intruksional dan Multimedia merupakan unit yang bertanggungjawab dalam pengurusan reka bentuk serta sistem SPMP di Politeknik Kota Bharu. Oleh yang demikian UIDM merupakan unit penting dalam menyelenggara serta menguruskan sistem SPMP secara langsung dan mampu melakukan penambahbaikan atau pembaharuan. Namun disebabkan teknologi yang semakin canggih menyebabkan berlakunya permintaan pembaharuan kepada paparan reka bentuk SPMP supaya mengikut trend terkini oleh pelajar di Politeknik. Temu bual dengan responden iaitu pelajar mengikut semester tidak menafikan yang tiada perubahan terhadap reka bentuk SPMP sejak 4 tahun lepas.

Menurut responden yang berada pada semester akhir yang mana merupakan pelajar paling senior di politeknik ini menyatakan yang beliau kurang berpuas hati dengan paparan reka bentuk SPMP yang sedia ada dimana tiada pembaharuan yang dilakukan oleh pihak berwajib terhadap SPMP sejak 4 tahun kebelakangan ini.

Selain itu, sistem asal yang SPMP mempunyai reka bentuk yang kemas dengan susunan aturnya yang teratur dan senang untuk diakses tetapi tiada penambahbaikan dan tidak diperbaharui kembali membuatkan pelajar kurang berminat untuk mengakses ke dalamnya dengan lebih kerap. Menurut beberapa orang responden, pada awalnya paparan reka bentuk SPMP ini sangat menarik bagi mereka tetapi tiada pembaharuan dilakukan, mereka mula berasa bosan dan kurang mengakses ke dalamnya.

Beberapa orang responden juga menyatakan yang paparan SPMP yang digunakan sekarang terlalu cerah dan boleh menyebabkan pandangan mereka terganggu ketika menggunakannya. Oleh itu, mereka telah membuat permintaan agar pihak UIDM yang menguruskan sistem SPMP ini untuk membuat penambahbaikan terhadap paparan SPMP.

Akhir sekali, pengkaji dapat simpulkan yang paparan reka bentuk SPMP yang sedia ada memerlukan pembaharuan setelah sekian lama tiada sebarang penambahbaikan yang dilakukan oleh pihak berwajib. Hal ini demikian kerana, responden atau pelajar sendiri telah menyatakan yang mereka kurang menggunakan SPMP kerana sudah bosan dengan paparan sedia ada. Mereka ingin kan pembaharuan dilakukan untuk menarik mereka menggunakannya dengan lebih kerap.

B. MENYEDIAKAN PAPARAN BAHARU UNTUK SPMP (DARKMODE)

Daripada temu bual bersama 6 orang responden mengikut semester, pengkaji mendapati yang paparan sedia ada SPMP sudah hilang daya tarikan untuk menarik pelajar menggunakannya dengan lebih kerap. Paparan reka bentuk yang tersusun dan kemas dan latar berwarna putih terang.

Daripada temu bual ini beberapa responden kurang berpuas hati kerana paparan ini tiada perubahan langsung sejak 4 tahun lepas dan menyebabkan mereka menjadi jemu untuk menggunakan SPMP ini. Selain itu, terdapat juga responden menyatakan paparan yang berwarna putih terang ini membuatkan mereka mengalami kesukaran untuk melihat dengan lebih jelas kerana cahaya yang terang jika digunakan dalam keadaan gelap. Oleh yang demikian penggunaan paparan baharu dengan warna yang gelap (darkmode) difikirkan adalah lebih baik.


C. ANALISIS KESELURUHAN BAGI TEMU BUAL

Melalui dapatan kajian berdasarkan hasil daripada temu bual bersama beberapa orang responden, paparan yang boleh ditukar menjadi lebih gelap (darkmode) untuk SPMP adalah sangat diperlukan untuk menarik minat pelajar kembali menggunakan SPMP dengan lebih kerap. Berdasarkan hasil daripada temu bual ini juga kebanyakan responden bersetuju yang paparan SPMP perlu diperbaharui agar masalah kekurangan pelajar mengaksesnya dapat diatasi.

4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN

4.2.1 TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN JANTINA

JANTINA	BILANGAN	PERATUSAN
LELAKI	6	8.6%
PEREMPUAN	64	91.4%
JUMLAH	70	100




RAJAH 9

Berdasarkan gambar rajah 1, mengenai taburan responden berdasarkan jantina telah menunjukkan bilangan responden yang menjawab borang soal selidik tentang penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Pengkaji telah mendapati lebih ramai perempuan berbanding lelaki. Responden lelaki hanya 6 orang sahaja iaitu bersamaan dengan 8.6 peratus, manakala perempuan pula seramai 64 orang bersamaan dengan 91.4 peratus. Kesemua responden yang diberikan soalan ialah pelajar politeknik Kota Bharu.

4.2.2 TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN SEMESTER

SEMESTER	BILANGAN	PERATUS
1-2	63	91.3 %
3-4	2	2.9 %
5-6	4	5.8 %
7-8	1	1.4%
JUMLAH	70	100




RAJAH 10

Berdasarkan rajah 2, mengenai taburan responden berdasarkan semester telah menunjukkan bilangan responden yang menjawab borang soal selidik tentang penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Hasil kajian dapati bilangan responden yang berada pada semester antara 1-2 ialah seramai 63 orang bersamaan dengan 91.3 peratus, manakala yang berada pada semester antara 3-4 pula hanya seramai 2 orang sahaja iaitu bersamaan dengan 2.9 peratus. Untuk bilangan responden yang berada pada semester 5-6 mempunyai jumlah seramai 4 orang bersamaan dengan 5.8 peratus juga. Hanya 1 orang responden sahaja yang berada pada semester antara 7-8 dan iaitu bersamaan dengan 1.4 peratus.

4.2.3 TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN BANGSA

BANGSA	BILANGAN	PERATUS
MELAYU	68	97.1 %
CINA	0	0 %
INDIA	0	0 %
LAIN-LAIN	2	2.9 %
JUMLAH	70	100



RAJAH 11


Berdasarkan rajah 3, mengenai taburan responden berdasarkan bangsa telah menunjukkan bilangan responden yang menjawab borang soal selidik tentang penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Pengkaji telah dapati bilangan responden yang berbangsa Melayu ialah yang paling ramai iaitu seramai 68 orang bersamaan dengan 53.3 peratus, manakala bilangan responden berbangsa Cina dan yang berbangsa India pula tiada iaitu bersamaan dengan 0 peratus dan hanya 2 orang sahaja yang berbangsa lain-lain bersamaan dengan 4 peratus.

4.3 SEJAUH MANA PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP REKA BENTUK SPMP DI POLITEKNIK KOTA BHARU.


SOALAN	YA	PERATUS	TIDAK	PERATUS
Adakah rekabentuk SPMP (website) menarik untuk digunakan oleh pelajar politeknik Kota Bharu?	69	98.6%	1	1.4%
Adakah SPMP (Website) ini berfungsi dengan baik bagi kegunaan pelajar?	70	100%	0	0%
Adakah SPMP boleh digunakan oleh pelajar politeknik Kota Bharu dengan berkesan?	69	98.6%	1	1.4%
Adakah pelajar mengetahui yang terdapat banyak nota untuk pembelajaran yang telah disediakan oleh pensyarah dalam SPMP (website)?	36	51.4%	34	48.6%
Adakah pelajar mengambil masa yang lama untuk mengakses ke dalam SPMP (website)?	61	87.1%	9	12.9%
Adakah penggunaan SPMP mampu memberikan kemudahan yang lebih baik kepada pelajar?	70	100%	0	0%
Adakah para pelajar boleh mendapatkan sumber rujukan melalui SPMP yang disediakan?	58	82.9%	12	17.1%
Apakah paparan SPMP memberikan tarikan kepada pelajar semasa mengaksesnya?	59	84.3%	11	15.7%
Adakah pelajar boleh berhubung secara langsung dengan pihak pentadbiran politeknik Kota Bharu melalui SPMP?	50	71.4%	20	28.6%
Adakah paparan SPMP memberi kesan terhadap pelajar?	54	77.1%	16	22.9%
Adakah reka bentuk SPMP memberi kesan terhadap pelajar?	52	74.3%	18	25.7%
Adakah reka bentuk dan paparan moden sesuai untuk digunakan bagi SPMP?	69	98.6%	1	1.4%
Pada pendapat anda, adakah SPMP ini interaktif untuk kegunaan pelajar?	70	100%	0	0%
Adakah sistem SPMP memerlukan penambahbaikan?	62	89.9%	7	10.1%
JUMLAH	70		100%	

SOALAN	A	PERATUS	B	PERATUS	C	PERATUS
Cadangkan penambahbaikan yang boleh dilakukan?	28	41.2%	25	36.8%	15	22.1%
A) Menukar reka bentuk SPMP menjadi lebih interaktif dan berinformasi						


B) Menyediakan paparan SPMP yang lebih menarik						
C) Menyusun semula susun atur dalam SPMP dengan lebih berkesan						




Kajian Tentang Penerimaan Pelajar Terhadap Rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu untuk soalan 1 hingga 5.



Kajian Tentang Penerimaan Pelajar Terhadap Rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu untuk soalan 6 hingga 10.



Kajian Tentang Penerimaan Pelajar Terhadap Rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu untuk soalan 11 hingga 14.



Menukar Rajah 12: Menukar reka bentuk SPMP menjadi lebih interaktif dan berinformasi

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dan mengkaji penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Hasil daripada soal selidik yang disediakan oleh pengkaji bagi soalan 1 yang dilakukan ke atas 70 orang responden. Daripada 70 orang tersebut telah memilih “YA” seramai 69 orang bersamaan dengan 98.6 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula hanya 1 orang responden sahaja iaitu bersamaan dengan 1.4 peratus.

Seterusnya, kajian soal selidik telah dijalankan bagi mengkaji dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Hasil soal selidik bagi soalan 2 yang dilakukan juga ke atas 70 orang responden iaitu terdiri daripada pelajar politeknik. Daripada 70 orang tersebut telah memilih “YA” ialah seramai 70 orang bersamaan dengan 100 peratus iaitu semua, dan ini bermaksud yang telah memilih “TIDAK” pula tiada langsung bersamaan dengan 0 peratus.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Pengkaji mendapati hasil daripada soal selidik yang dijalankan untuk soalan 3 ialah seramai 69 orang telah memilih “YA” bersamaan dengan 98.6 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula hanya 1 orang bersamaan dengan 1.4 peratus daripada 70 orang responden.

Kajian soal selidik telah dijalankan bagi mengkaji dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Hasil soal selidik yang disediakan oleh pengkaji ini bagi soalan 4 pula yang dilakukan juga ke atas 70 orang responden. Daripada 70 orang tersebut yang telah memilih “YA” ialah seramai 36 orang

bersamaan dengan 51.4 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” seramai 34 orang iaitu bersamaan dengan 48.6 peratus.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Pengkaji telah mendapati hasil daripada soal selidik yang dijalankan untuk soalan 5 ialah seramai 61 orang telah memilih “YA” iaitu bersamaan dengan 87.1 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula hanya seramai 9 orang bersamaan dengan 12.9 peratus.

Hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji, daripada soal selidik yang dijalankan untuk soalan 6 untuk mengetahui dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu ialah seramai 70 orang telah memilih “YA” bersamaan dengan 100 peratus iaitu semua dan yang telah memilih “TIDAK” pula tiada langsung bersamaan dengan 0 peratus.

Kajian soal selidik telah dijalankan bagi mengkaji dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu Hasil soal selidik bagi soalan 7 pula yang dilakukan juga ke atas 70 orang responden. Daripada 70 orang tersebut yang telah memilih “YA” ialah seramai 58 orang iaitu bersamaan dengan 82.9 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula seramai 12 orang bersamaan dengan 17.1 peratus.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Pengkaji mendapati hasil daripada soal selidik yang dijalankan untuk soalan 8 ialah seramai 59 orang telah memilih “YA” iaitu bersamaan dengan 84.3 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula hanya seramai 11 orang sahaja bersamaan dengan 15.7 peratus.

Selain itu, hasil kajian daripada soal selidik yang dijalankan untuk soalan 9 untuk mengetahui dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu ialah seramai 50 orang telah memilih “YA” bersamaan dengan 71.4 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula seramai 20 orang bersamaan dengan 28.6 peratus.

Kajian soal selidik telah dijalankan bagi mengkaji dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu Hasil soal selidik bagi soalan 10 pula yang dilakukan juga ke atas 70 orang responden. Daripada 70 orang tersebut yang telah memilih “YA” ialah seramai 54 orang iaitu bersamaan dengan 77.1 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula seramai 16 orang bersamaan dengan 22.9 peratus.

Hasil kajian daripada soal selidik yang dijalankan untuk soalan 11 untuk mengetahui dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu pengkaji telah dapati seramai 52 orang telah memilih “YA” iaitu bersamaan dengan 74.3 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula seramai 18 orang bersamaan dengan 25.7 peratus.

Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui dan mengkaji penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Hasil daripada soal selidik yang disediakan oleh pengkaji bagi soalan 12 yang dilakukan ke atas 70 orang responden. Daripada 70 orang tersebut telah memilih “YA” seramai 69 orang bersamaan dengan 98.6 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula hanya 1 orang responden sahaja iaitu bersamaan dengan 1.4 peratus.

Hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji, daripada soal selidik yang dijalankan untuk soalan 13 untuk mengetahui dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu ialah seramai 70 orang telah memilih “YA” bersamaan dengan 100 peratus iaitu semua dan yang telah memilih “TIDAK” pula tiada langsung iaitu bersamaan dengan 0 peratus.

Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui dan mengkaji penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Hasil daripada soal selidik yang disediakan oleh pengkaji bagi soalan 14 yang dilakukan ke atas 70 orang responden. Daripada 70 orang tersebut telah memilih “YA” seramai 62 orang iaitu bersamaan dengan 89.9 peratus, manakala yang telah memilih “TIDAK” pula seramai 7 orang responden iaitu bersamaan dengan 10.1 dan hanya seorang sahaja yang tidak menjawab kedua-duanya iaitu bersamaan 1.4 peratus.

Akhir sekali, kajian soal selidik telah dijalankan bagi mengkaji dan mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Hasil soal selidik bagi soalan 15 yang dilakukan juga ke atas 70 orang responden. Soalan ini memberi pilihan jawapan A, B, dan C untuk dipilih. Daripada 70 orang tersebut telah memilih “A” ialah seramai 28 orang bersamaan dengan 41.2 peratus, manakala yang telah memilih “B” pula seramai 25 orang bersamaan dengan 36.8 peratus dan yang telah memilih “C” seramai 15 orang iaitu bersamaan dengan 22.1 peratus. Pada soalan ini terdapat 2 orang responden yang tidak menjawab sebarang pilihan yang disediakan.

4.4 ANALISIS DATA KESELURUHAN SOAL SELIDIK

Melalui dapatan kajian berdasarkan soal selidik yang telah pengkaji jalankan, reka bentuk SPMP yang sedia ada diterima dengan baik oleh pelajar dan pensyarah. Berdasarkan responden yang menjawab sebanyak 98.6% bersetuju yang reka bentuk SPMP menarik untuk digunakan oleh pelajar politeknik Kota Bharu. Reka bentuk dan paparan baharu SPMP dihasilkan bertujuan untuk menarik minat pelajar supaya lebih kerap menggunakannya dalam urusan maklumat dan pembelajaran mereka. Disamping untuk meningkatkan penggunaan SPMP dalam kalangan pelajar kerana terdapat banyak maklumat yang disediakan untuk kegunaan pelajar.

4.5 PEMBANGUNAN PRODUK

Berdasarkan sokongan daripada responden pada borang soal selidik serta temu bual yang dijalankan, pengkaji akan melakukan proses pembangunan produk berdasarkan beberapa fasa. Fasa pertama adalah pengkaji akan mengumpul bahan produk berdasarkan tajuk pengkaji iaitu penerimaan pelajar terhadap rekabentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu. Sumber carian bahan utama adalah pembangunan aplikasi berasaskan laman web di google bagi mereka menukar warna paparan produk. Pada fasa kedua, pengkaji akan menjalankan satu kajian analisis terhadap warna paparan produk yang telah dilakukan supaya ianya dapat menjawab semua persoalan kajian. Pada fasa ketiga pula adalah untuk melaksanakan konsep visual dari segi dapatkan idea dan mencari penyelesaian kepada masalah kajian. Akhir sekali adalah fasa reka bentuk produk dimana pengkaji akan menukar warna paparan produk lengkap untuk memenuhi kehendak kajian.

4.6 KONSEP REKABENTUK

4.6.1 FASA ANALISIS

Dalam fasa analisis penukaran warna paparan laman web, beberapa soalan perlu dianalisis sebelum proses menukar warna paparan laman web dapat dijalankan. Soalan-soalan ini merangkumi perkara berikut:

1. Maklumat pembangunan
2. Objektif
3. Kumpulan sasaran
4. Strategi penyampaian maklumat
5. Reka bentuk laman web

Setelah segala persoalan telah terjawab, maka barulah boleh diteruskan kepada fasa berikut iaitu fasa reka bentuk.

4.6.2 FASA REKA BENTUK

Fasa menukar warnat paparan atau rekabentuk boleh dibahagi kepada tiga bahagian atau kategori. Antara pembahagian kategeri tersebut adalah seperti berikut:



1. Fasa Reka Bentuk : Informasi

Pada fasa reka bentuk informasi ini adalah proses merancang dan mengatur isi kandungan dan maklumat yang ingin disampaikan dalam laman web. Dalam fasa ini juga strategi penyampaian maklumat akan ditentukan. Antara contoh strategi penyampaian maklumat adalah strategi penulisan yang mempunyai pengaruh maklumat, rujukan, kepakaran, kuasa sah, ganjaran dan ancaman, maklum balas dan keserupaan. Tujuh strategi penulisan tersebut dijadikan sebagai garis panduan oleh pengkaji bagi mengetahui strategi penyampaian maklumat melalui online.

2. Fasa Reka Bentuk : Interaktif

Pada bahagian ini pula merupakan fasa untuk menentukan bagaimana laman web berfungsi dan beroperasi. Dalam fasa ini jenis-jenis interaksi, sistem navigasi serta penetapan elemen kawalan yang lain bagi laman web akan ditetapkan dengan sebaiknya. Interaktif yang digunakan dalam proses penghasilan adalah berbentuk tersusun dan mendatar. Dalam fasa ini juga disediakan elemen yang dapat membantu pengguna dalam melayari laman web antaranya adalah seperti berikut :

- Menggunakan konsep bingkai berbentuk “content outline”
- Memaparkan semula subtajuk yang dipilih
- Menyediakan butang untuk ke helaian lain di bahagian atas dan bawah laman web.

3. Fasa Reka Bentuk : Antara Muka

Fasa ini merupakan proses dalam menentukan bagaimana rupa bentuk laman web yang akan dibangunkan nanti. Setiap gaya paparan dan susun atur pelbagai media yang akan digunakan ditentukan dalam fasa ini. Ianya meliputi pelbagai aspek seperti pemilihan warna, bentuk paparan, jenis media serta saiz media yang digunakan. Seterusnya proses pembangunan prototaip atau templat bagi laman web akan dibangunkan dihasilkan oleh pengkaji.

4.7 PRODUK AKHIR

Untuk penghasilan produk akhir ini, pengkaji telah menjadikan beberapa website rasmi dan SPMP daripada beberapa Politeknik lain sebagai bahan rujukan tambahan. Proses ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan atau menjana idea yang lebih baik serta kreatif dan bersesuaian dengan konsep dan tema yang pengkaji akan pilih.

1. Pemilihan Warna Tema

Sewaktu proses penghasilan produk akhir ini, pengkaji telah menggunakan warna dark grey sebagai warna utama kerana warna memainkan peranan penting untuk menarik perhatian pengguna untuk menggunakan website yang telah dibina atau tambah baik. Warna dark grey juga mampu memberikan keselesaan pada mata pengguna sekiranya menggunakannya pada keadaan gelap atau malam dan mempengaruhi pengguna.

2. Rujukan Visual

Selain itu, untuk menghasilkan produk akhir yang terbaik dan mengikut objektif kajian yang dipilih oleh pengkaji telah menjadikan beberapa produk sedia ada sebagai rujukan utama untuk menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan menjawab persoalan kajian. Rujukan daripada produk sedia ada akan membantu pengkaji untuk mengenal pasti bahagian yang perlu dan boleh ditambah baik mengikut permintaan pengguna.

4.8 PENILAIAN PRODUK AKHIR


Untuk memastikan bahawa kajian ini mampu menjawab persoalan kajian, maka pengkaji telah menjalankan kaji selidik untuk mendapatkan maklum balas daripada pengguna iaitu pelajar mengenai produk akhir ini. Berikut merupakan analisa bagi kaji selidik produk akhir.

Jadual 4.1: Demografi latar belakang responden

Latar belakang responden		Kekerapan n=100	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	8	44
	Perempuan	10	56
Umur	19 - 22	8	44
	23 - 25	8	44
	26 - 30	2	11
Perkerjaan	Pelajar	15	83
	Staf/Pekerja	3	17
Status	Bujang	17	94
	Berkahwin	1	6

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan pengkaji ini, majoriti responden terdiri daripada golongan perempuan dengan peratusan sebanyak 56%. Manakala lelaki pula hanya sebanyak 44%. Secara keseluruhan responden berumur dari 19 hingga 25 tahun dengan masing masing peratusan sebanyak 44%. Data ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah dari kalangan pelajar dengan jumlah peratusan sebanyak 83%. Seterusnya, kebanyakan yang menjawab soalan ini adalah orang bujang iaitu pelajar dengan peratusan sebanyak 94%. Pada bahagian ini dapat dilihat dengan jelas bahawa kebanyakan responden berumur antar 19 tahun sehingga 20 tahun. Ini menunjukkan kaedah penyelidikan ini tertumpu kepada pelajar politeknik Kota Bharu.

Jadual 4.2 : Pendapat responden berkenaan reka bentuk baharu (Darkmode) SPMP



Merujuk analisis dapatan kajian yang telah dilakukan seperti pada rajah, kebanyakan responden bersetuju bahawa reka bentuk Darkmode selesa untuk digunakan. Seramai 9 responden sangat bersetuju, 5 responden setuju dan 3 responden neutral manakala hanya 1 responden yang sangat tidak bersetuju. Untuk rekaan pula, 7 responden sangat setuju reka

bentuk Darkmode mempunyai rekaan yang menarik, manakala 5 responden masing masing setuju dan neutral.

Pada soalan ketiga dan keempat, mengenai adakah reka bentuk Darkmode mengikut trend semasa dan adakah reka bentuk Darkmode ini mesra pengguna. Responden yang sangat setuju adalah seramai 8 orang, manakala untuk setuju adalah 7 orang dan neutral adalah sebanyak 2 orang. Selain itu yang sangat tidak setuju adalah 1 responden sahaja.

Untuk soalan terakhir, adakah reka bentuk Darkmode membantu dalam mengurangkan tekanan pada mata. 8 responden sangat setuju, 7 responden setuju dan 2 responden neutral manakala hanya seorang sahaja responden yang sangat tidak bersetuju. Berdasarkan analisis ini boleh dinyatakan yang kebanyakan daripada responden bersetuju yang reka bentuk Darkmode untuk SPMP ini mesra pengguna dan senang untuk digunakan.

4.9 CADANGAN REKA BENTUK PAPARAN DARKMODE SPMP

Setelah melakukan pemerhatian dan penilaian pada reka bentuk serta paparan pada SPMP, pengkaji telah dapati bahawa reka bentuk sedia ada yang digunakan pada SPMP sudah terlalu lama tidak ditambah baik yang menyebabkan pelajar sudah kurang berminat untuk mengakses ke dalamnya.

Hasil temu bual bersama beberapa orang responden iaitu pelajar mengikut semester, kebanyakan mereka menyatakan bahawa reka bentuk sedia ada sudah digunakan selama 2 tahun tanpa penambahbaikan atau perubahan yang menyebabkan mereka hilang minat untuk mengakses ke dalamnya walaupun banyak informasi penting.

Disini pengkaji telah mencadangkan reka bentuk Darkmode untuk SPMP seperti berikut:

1. Reka bentuk dan paparan pada SPMP boleh ditukar dari berwarna putih menjadi gelap atau Darkmode.
2. Reka bentuk dan paparan pada SPMP ditetapkan menjadi Darkmode sepenuh masa.
3. Reka bentuk dan paparan pada SPMP boleh ditukar mengikut kehendak pelajar itu sendiri sama ada memilih untuk kekal pada paparan asal atau Darkmode melalui butang yang disediakan.

Dengan mengikut reka bentuk yang telah dicadangkan ini akan mampu untuk menarik minat para pelajar kembali menggunakan SPMP serta boleh memberi atau membuat pembaharuan terhadap reka bentuk SPMP yang sedia ada

4.10 KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini dapat dilihat bahawa hampir semua responden bersetuju bahawa kaedah ini adalah sangat bersesuaian dalam mencapai objektif kajian dan mampu untuk menjawab persoalan kajian. Namun, terdapat juga responden yang tidak bersetuju tetapi jumlahnya adalah sangat minimum.

Pembangunan reka bentuk paparan Darkmode pada SPMP adalah untuk menarik kembali minat pengguna atau pelajar untuk mengakses ke dalamnya dengan lebih kerap untuk kegunaan harian mereka sama ada untuk pengurusan maklumat atau pembelajaran. Kebanyakan daripada responden bersetuju yang penggunaan reka bentuk paparan Darkmode adalah lebih mesra pengguna.

Pengkaji juga dapat disimpulkan bahawa produk akhir ini dapat dijadikan sebagai prototaip untuk menghasilkan reka bentuk paparan Darkmode yang lebih sempurna dan memberi keselesaan serta menarik untuk kegunaan.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 CADANGAN PENYELIDIKAN

Sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan, pengkaji telah dapati bahawa penggunaan reka bentuk paparan Darkmode lebih menarik untuk digunakan oleh responden iaitu pelajar politeknik Kota Bharu. Hal ini demikian kerana, pengkaji melihat yang ramai pengguna lebih berminat menggunakan reka bentuk paparan Darkmode yang mengikuti trend terkini. Oleh itu, kajian ini telah berjaya memenuhi objektif kajian iaitu mengkaji penerimaan pelajar terhadap reka bentuk SPMP. Kaedah tersebut adalah kaedah membangunkan reka bentuk paparan Darkmode untuk kegunaan pelajar sewaktu mengakses ke dalam SPMP.

Selain itu, melalui kaedah soal selidik yang telah dijalankan pula, pengkaji telah menganalisis dan mendapatkan maklum balas mengenai sama ada mereka lebih berminat menggunakan reka bentuk paparan Darkmode atau yang sedia ada. Secara keseluruhannya, kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan ini dan bersetuju bahawa reka bentuk paparan Darkmode lebih menarik serta mesra pengguna. Hal ini merupakan perkara yang sangat positif untuk meningkatkan penggunaan SPMP dalam kalangan pelajar kerana terdapat banyak maklumat penting tersedia di dalamnya.

Seterusnya, penggunaan reka bentuk paparan Darkmode merupakan trend terkini yang sedang berkembang pesat dan sering digunakan oleh semua aplikasi atau website. Paparan Darkmode yang digunakan mudah untuk dihasilkan dan mempunyai fungsi yang pelbagai yang dapat memberi keselesaan kepada pengguna untuk menggunakannya.

Namun begitu, reka bentuk paparan Darkmode masih kurang digunakan dalam kalangan website pendidikan terutamanya dalam sektor kerajaan. Hal ini demikian kerana kebanyakan website rasmi sudah terbiasa dengan reka bentuk paparan lama yang sedia ada dan menyebabkan mereka tidak berminat untuk menambah baik paparan tersebut serta berlakunya pelajar tidak mengakses ke dalamnya.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

Pengkaji beranggapan bahawa penggunaan reka bentuk paparan Darkmode merupakan cara yang boleh dilakukan untuk menarik kembali minat pelajar untuk mengkases ke dalam SPMP. Walaupun reka bentuk paparan sedia ada masih berfungsi dengan baik, namun penggunaannya sudah agak ketinggalan dan tidak mengikuti trend terkini yang serba moden dimana kebanyakan aplikasi atau website menggunakan paparan Darkmode.

5.3 CADANGAN DI PERINGKAT UIDM

Pembangunan reka bentuk paparan Darkmode merupakan antara langkah awal yang perlu diambil oleh UIDM dalam usaha untuk menarik kembali minat pelajar untuk menggunakan SPMP. Reka bentuk paparan Darkmode yang dibangunkan ini dianggap mempunyai fungsi untuk mencapai objektif kajian. Namun begitu, UIDM perlu sentiasa membuat kajian yang lebih mendalam untuk menambah baik serta membuat pembaharuan terhadap reka bentuk paparan SPMP yang sedia ada.

Reka bentuk paparan Darkmode ini boleh dianggap sebagai prototaip untuk UIDM dalam usaha untuk membangunkan reka bentuk paparan yang lebih baik. Disamping itu juga, UIDM perlu sentiasa membuat penambah baikan serta pembaharuan terhadap reka bentuk paparan sedia ada seperti Darkmode atau mana-mana paparan yang lebih interaktif dan menarik supaya dapat digunakan secara optimum oleh pelajar.

Selain itu, reka bentuk paparan SPMP haruslah sentiasa mengikut trend semasa sekurang-kurangnya ditukar atau ditambah baik setiap tahun oleh pegawai UIDM supaya dapat menarik minat pelajar lebih kerap menggunakan SPMP dalam urusan pelajaran atau mendapatkan sebarang maklumat penting. Hal ini demikian kerana, SPMP merupakan website utama untuk kegunaan pelajar dalam pengurusan maklumat mereka. Oleh itu, reka bentuk paparannya perlulah interaktif dan mengikut trend terkini yang moden dan menepati minat pelajar. Kebanyakan website pendidikan hanya menggunakan reka bentuk paparan yang biasa maka dari itu penambah baikan boleh dilakukan agar website penting itu sering diakses oleh pelajar.

Akhir sekali, pembangunan reka bentuk paparan Darkmode untuk SPMP merupakan titik permulaan dalam usaha meningkatkan penggunaan SPMP dalam kalangan pelajar daripada menggunakan reka bentuk paparan yang sedia ada kepada paparan Darkmode. Hal ini boleh menjadikan SPMP sebagai website yang kerap digunakan oleh pelajar pada masa hadapan.

5.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam bab ini penulisan yang telah dilakukan oleh pengkaji akan memberikan penjelasan secara terperinci dan menyeluruh mengenai semua bab dalam penyelidikan ini. Pada bab ini, merupakan bab yang terakhir bertujuan untuk memastikan maklumat objektif tercapai. Dalam kajian ini juga pengkaji dapat mencadangkan reka bentuk paparan Darkmode yang baharu, seterusnya pengkaji juga membangunkan reka bentuk paparan Darkmode untuk menggantikan reka bentuk paparan yang sedia ada.

Seterusnya, pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah untuk memperoleh maklumat yang relevan berkenaan dengan reka bentuk paparan Darkmode dengan membuat proses pengumpulan data melalui beberapa orang responden iaitu pelajar setiap semester yang sering menggunakan SPMP.

Selain itu, pendekatan yang digunakan oleh pengkaji sepanjang kajian ini adalah pendekatan gabungan antara kualitatif dan kuantitatif. Hal ini demikian kerana, pendekatan yang pelbagai membolehkan pengkaji untuk memperoleh maklumat yang lebih terperinci dan tepat. Data yang diperolehi ini juga didapati melalui kaedah temu bual dan soal selidik. Individu yang ditemubual adalah beberapa orang pelajar mengikut semester yang akan dan sering menggunakan SPMP dalam urusan pembelajaran mereka. Manakala bagi kaedah soalan soal selidik ini dibahagikan juga kepada responden yang selalu menggunakan SPMP iaitu pelajar dan pensyarah.

Secara holistiknya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kesemua objektif kajian ini telah berjaya dicapai. Analisis yang dijalankan oleh pengkaji juga mendapati yang SPMP masih menggunakan reka bentuk paparan yang sedia ada. Hal ini demikian kerana, pegawai UIDM lebih menumpukan kepada aspek keberkesanan dan fungsi SPMP berbanding reka bentuk paparannya. Oleh itu, tiada pembaharuan atau penambahbaikan terhadap reka bentuk paparan SPMP.

UIDM yang merupakan unit yang bertanggungjawab dalam menyelenggara sistem SPMP yang akan digunakan oleh pelajar politeknik Kota Bharu untuk pengurusan maklumat dan pembelajaran mereka. Oleh itu, UIDM harus membuat penambahbaikan terhadap reka bentuk paparan SPMP yang terbaru untuk menarik kembali minat pelajar menggunakan SPMP dengan lebih kerap.

Akhir sekali, pengkaji juga berharap dengan kajian yang telah dilakukan ini akan digunakan sebagai sumber rujukan oleh pengkaji lain yang mengkaji atau membangunkan reka bentuk paparan website terutama bagi Unit Pembangunan Intruksional dan Multimedia. Seterusnya, reka bentuk paparan Darkmode merupakan reka bentuk yang sering digunakan oleh kebanyakan website atau aplikasi masa kini oleh itu kajian yang lebih mendalam harus dilakukan agar reka bentuk paparan yang dibangunkan mempunyai daya tarikan terkini dan fungsi.

RANCANGAN PERLAKSANAAN KERJA

Perancangan merupakan aktiviti yang membahagikan setiap kerja kepada beberapa bahagian kecil supaya mudah untuk diuruskan serta dilaksanakan mengikut waktu yang dirancang. Perancangan ini juga menentukan setiap keperluan yang perlu ada seperti tarikh bermula hingga tarikh tamat serta menetapkan masa yang diambil untuk sesuatu kajian siap dijalankan. Seterusnya, perancangan yang dibuat haruslah realistik dan boleh dilaksanakan.

Perancangan yang dibuat bertujuan untuk mengurangkan masa lebihan dibuang untuk perkara tidak penting serta remeh yang boleh mengganggu perjalanan kajian. Jadual 1.0 dan 1.1 adalah gambaran rancangan pelaksanaan kerja dengan jelas dan terperinci untuk kedua-dua fasa tersebut.

FASA PERTAMA

TARIKH KERJA	21/11- 30/11	1/12- 20/12	21/12- 24/12	27/12- 31/12	1/1- 7/1	15/1- 22	24/1- 27/1
PERBINCANGAN MASALAH							
MENCARI MAKLUMAT MENGENAI PENERIMAAN SPMP							
PENGHASILAN KERTAS KERJA							
SEMAKAN PERTAMA							
PEMBENTULAN							
SEMAKAN KEDUA							
PERSEDIAAN PERBENTANGAN							
PERBENTANGAN KERTAS KERJA DI UMK							

JADUAL 4.1 Rancangan pelaksanaan kerja fasa pertama.

FASA KEDUA

TARIKH KERJA	7/2- 11/2	14/2- 18/2	21/2- 16/3	18/3- 22/3	25/4- 7/5	9/5 - 12/5	12/6- 24/6	27/6- 1/7
MENGENAL TEMPAT LATIHAN INDUSTRI /MEMULAKAN KERTAS KERJA 2								
MEMPELAJARI CARA KERJA								
MEMULAKAN PENAMBAHBAIKAN SPMP								
UJIAN ALPHA								
MEMBETULKAN RALAT PADA SISTEM								
UJIAN BETA								
PUBLISH APP								
PERSEDIAAN PERBENTANGAN FASA2 XAD								
PERBENTANGAN KERTAS KERJA DI UMK								

JADUAL 4.2 Rancangan pelaksanaan kerja fasa pertama

RUJUKAN

- Scott Barker. (1999). F. Scott Baker's Microsoft Access 2000 Power Programming. US, SAMS.
- Kamus Komputer. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kenneth E.Kendall Dan E.Keandall. System Analysis Dan Design.
- Linda I.O' Leamy And Tirothy I.O' Leamy. Micro Access 7.0. McGraw-Hill.
- Mary Camphen. The Microsoft Access Hand Book. McGraw-Hill.
- Mohamad Noorman Masrek, Safawi Abdul Rahman dan Kamarulariffin Abdul Jalil. (2001). Analisis & Rekabentuk Sistem Maklumat. McGraw-Hill.
- M.Sidi Mustaqbal, Roeri Fajri Firdaus, Hendra Rahmadi.
- Noor Sabariah Salleh. Sistem Penempahan Buku Atas Talian.
- Sera Akincilar, Cameron Rad. (2013) “Material Handling System Design: A Case-Study in Bosch Rexroth Japan”.
- Kamus Dewan. Edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Kamus Dewan. Edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Metodologi PPriSA. (n.d.). Mampu. Retrieved December 5, 2020, from <https://sqa.mampu.gov.my/flip-pdf/bukupprisa/files/basic-html/page31.html>
- Metodologi Air Terjun . (n.d.). Mldunbound.Org. Retrieved December 5, 2020, from <https://ms.mldunbound.org/contrast/-methodology -waterfall>.
- E. (2020). UPAYA MENINGKATKAN KEAKTIFAN MAHASISWA DALAM MENGANALISIS VIDEO PEMBELAJARAN MELALUI STRATEGI PEMBELAJARAN WEBINAR. Jurnal Teknologi Pendidikan, 13(2), 145-154. Retrieved January 10, 2021, from <https://jurnal.unimed.ac.id/2012/index.php/jtp/article/view/20149>
- F., M., S., & S. (2018). KESAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PEMILIHAN PELAJAR KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI. Jurnal Sains Sosial, 3, 37-50. Retrieved december 20, 2020, from <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/462>
- Harrison, L. (2014, April 29). Case Study on the First-time Use of a Webinar by a Small Marketing Firm. Retrieved December 21, 2020, from <https://digitalcommons.unl.edu/journalismprojects/1/>

Hassan, A. (n.d.). DAESH: KEBANGKITAN DAN PENGARUH MEDIA SOSIAL. Retrieved January 1, 2021, from <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/16487>

Ishak, M. (1970, January 01). Pemodelan penerimgunaan maklumat berkaitan Islam di Internet: Pengaplikasian Model Penerimaan Teknologi (TAM). Retrieved January 10, 2021, from <https://core.ac.uk/display/42983438>

K., M., & T. (2020). Adaptasi Video dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abstrak Adopting Video in Teaching and Learning Abstract Pengenalan Tinjauan Literatur Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 105-112. doi:<https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i10.508> Malaysian

Kajian Pengguna Internet: Malaysian Communications And Multimedia Commission (MCMC). (2019, January 11). Retrieved November 25, 2020, from <https://www.mcmc.gov.my/ms/resources/statistics/internet-users-survey>

Kelebihan & Kekurangan. (n.d.). Retrieved November 25, 2020, from <https://222477.weebly.com/kelebihan--kekurangan.html>

M., & A. (2015). Penggunaan Media Video Untuk Meningkatkan Pemahaman Shalat Fardlu Pada Siswa Kelas II. Retrieved 20 December, 2020, from https://nanopdf.com/download/document-1036_pdf

Muljana, S. (2018). BAB II KAJIAN PUSTAKA. berarti tengah, perantara atau pengantar. 1 Dalam bahasa arab, media. untuk suatu proses penyaluran informasi - PDF Free Download. Retrieved January 8, 2021, from <https://adoc.pub/download/bab-ii-kajian-pustaka-berarti-tengah-perantara-atau-penganta.html?reader=1>

Kemanusiaan, 15, 47-63. Retrieved January 8, 2021, from <https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/27>.

P., P., N., & Z. (2019). Jurnal manajemen informatika. APLIKASI SEMINAR ONLINE (WEBINAR) UNTUK PEMBINAAN WIRAUUSAHA BARU Nanang, 6(2), 111-120. Retrieved January 8, 2021, from <http://jurnal.stmik-dci.ac.id/index.php/jumika/article/view/427/477>

Santoso, P. (n.d.). KONSTRUKSI SOSIAL MEDIA MASSA. Retrieved January 8, 2021, from <http://jurnal.uinsu.ac.id/index.php/balagh/article/view/505/405>

Tiung, L., Hashim, M. S., & B. (2013). https://www.researchgate.net/publication/279446268_Media_Sosial_di_Malaysia_dan_Indonesia_Penggunaannya_Sebagai_alat_Komunikasi_Kolaborasi_dan_Jaringan_digital. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15(2), 71-85.

Zakaria, S. R., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2017). Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 29-41. Retrieved January 2, 2021, from <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=118773>

LAMPIRAN**Soal Selidik**

Jadual 3.1: Rangka Mengenai Item-Item yang Disoalkan dalam Borang Soal Selidik

Borang soal selidik tentang penerimaan pelajar terhadap Reka Bentuk SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik) Kota Bharu

BAHAGIAN A : MAKLUMAT RESPONDEN**LAMPIRAN****BAHAGIAN A : MAKLUMAT RESPONDEN**

1. Jantina

Lelaki () Prempuan ()

2. Pelajar semester

	Semester 1 dan 2
	Semester 3 dan 4
	Semester 5 dan 6
	Semester 7 dan 8

3. Bangsa

	Melayu	Bumiputera
	China	Lain-lain
	India	Sila Nyatakan

SILA JAWAB SOALAN BAHAGIAN B INI MENGGUNAKAN PENENTU UKUR TAHAP PERSETUJUAN DI BAWAH INI.

Arahan : Tandakan (/) pada ruang yang disediakan.

BAHAGIAN B : SOALAN KAJIAN

SOALAN	(YA)	(TIDAK)
Adakah rekabentuk SPMP (website) menarik untuk digunakan oleh pelajar politeknik Kota Bharu?	YA	TIDAK
Adakah SPMP (Website) ini berfungsi dengan baik bagi kegunaan pelajar?	YA	TIDAK
Adakah SPMP boleh digunakan oleh pelajar politeknik Kota Bharu dengan berkesan?	YA	TIDAK
Adakah pelajar mengetahui yang terdapat banyak nota untuk pembelajaran yang telah disediakan oleh pensyarah dalam SPMP (website)?	YA	TIDAK
Adakah pelajar mengambil masa yang lama untuk mengakses ke dalam SPMP (website)?	YA	TIDAK
Adakah penggunaan SPMP mampu memberikan kemudahan yang lebih baik kepada pelajar?	YA	TIDAK
Adakah para pelajar boleh mendapatkan sumber rujukan melalui SPMP yang disediakan?	YA	TIDAK
Apakah paparan SPMP memberikan tarikan kepada pelajar semasa mengaksesnya?	YA	TIDAK
Adakah pelajar boleh berhubung secara langsung dengan pihak pentadbiran politeknik Kota Bharu melalui SPMP?	YA	TIDAK
Adakah paparan SPMP memberi kesan terhadap pelajar?	YA	TIDAK
Adakah reka bentuk SPMP memberi kesan terhadap pelajar?	YA	TIDAK
Adakah reka bentuk dan paparan moden sesuai untuk digunakan bagi SPMP?	YA	TIDAK
Pada pendapat anda, adakah SPMP ini interaktif untuk kegunaan pelajar?	YA	TIDAK
Adakah sistem SPMP memerlukan penambahbaikan?	YA	TIDAK

Soalan	A	B	C
Cadangkan penambahbaikan yang boleh dilakukan?	Menukar reka bentuk SPMP menjadi lebih interaktif dan berinformasi	Menyediakan paparan SPMP yang lebih menarik	Menyusun semula susun atur dalam SPMP dengan lebih berkesan

Temu Bual

TAJUK: PENAMBAHBAIKAN KEPADA REKA BENTUK SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT POLITEKNIK (SPMP) UNTUK KEGUNAAN PELAJARI KOTA BHARU

Objektif pertama: Mengenalpasti kaedah pelaksanaan sistem manual pengurusan

Perhatian : sesi temubual dijalankan berdasarkan obektif pengkaji segala maklumat yang diterima hanya untuk data analisis dalam kajian semata- mata.

Objektif kajian : Mengenalpasti reka bentuk yang menarik serta efektif untuk digunakan pada SPMP tersebut.

Bil	Soalan Yang Berkaitan
1.	Pada pendapat anda adakah reka bentuk SPMP yang sedia ada menarik untuk digunakan?
2.	Jenis reka bentuk yang manakah sesuai untuk digunakan pada SPMP?
3.	Adakah pengisian maklumat yang terdapat dalam SPMP diketahui oleh pelajar?
4.	Bagaimanakah reka bentuk yang berunsurkan infografik atau tipografi yang sesuai untuk diletakkan dalam SPMP?
5.	Adakah maklumat yang terdapat dalam SPMP mampu difahami oleh pelajar?
6.	Adakah SPMP berfungsi dengan baik tanpa ada gangguan langsung?
7.	Apakah ciri-ciri reka bentuk yang berkesan untuk menarik minat pelajar menggunakannya?
8.	Adakah bahasa yang digunakan sesuai dan mudah untuk difahami pelajar?
9.	Adakah pelajar tahu fungsi lain yang terdapat dalam SPMP selain sebagai tempat pengurusan maklumat?
10.	Apakah perkara penting atau langkah untuk menambahbaik reka bentuk SPMP?

GAMBAR SESI TEMU BUAL BERSAMA RESPONDEN

